

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ROHANI MD. PIAH  
USAHAWAN KRAFTANGAN WANITA  
(TOKOH SENI UKIRAN KAYU)

OLEH:

ANIS SHAFIKA BINTI ISMAIL	2018448604
NURUL SYAZRAH BINTI ARIFF HAZIZAN	2018696024

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2020 – JAN 2021)

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin kurnia-Nya dapat kami menyempurnakan tugas ini bagi subjek Oral Documentation (IMR604). Dalam kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Nurulannisa Binti Abdullah selaku pensyarah kami pada semester ini kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang kuliah berlangsung supaya kami mampu menjalankan tugas ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kami tujuhan khas kepada Puan Rohani Md. Piah kerana telah memberi kerjasama dalam menyumbang maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Tidak lupa juga kepada insan tersayang iaitu kedua-dua ibu bapa kami yang telah banyak memberikan semangat serta menyokong kami dalam menyiapkan kajian ini. Yang terakhir sekali, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua sahabat yang telah membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang menjalankan kajian penyelidikan ini. Dengan bantuan dan dorongan daripada kalian, kami berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

*Artikel ini adalah mengenai seorang usahawan seni kraf tangan kayu iaitu Rohani Md. Piah. Tujuan artikel ini ditulis adalah untuk mengetahui dengan lebih terperinci tentang industri perusahaan kraf tangan kayu yang diusahakan oleh puan Rohani Md Piah. Setelah mendapat tawaran untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Kraftangan Malaysia cawangan Pahang, sejak itulah minat Rohani dalam bidang kraf kayu mula bercambah. Pada peringkat awal, Rohani menggunakan kemahirannya dengan menerima tempahan membuat kerusi dan meja sekolah. Beliau kemudian berjaya membuka bengkel sendiri pada tahun 2001 dengan bantuan mesin dari Kraftangan Malaysia. Rohani bersama suaminya Mohamad Mat Nor memiliki bengkel yang diberi nama Warisan Craft Wood yang bertempat di Kampung Darat Sanggang, Temerloh, Pahang. Pn Rohani dan suaminya juga turut dipilih oleh kerajaan negeri untuk mempromosikan hasil ukiran congkak sempena pameran kraf tangan di Gedung Harrods, London, United Kingdom pada tahun 2006. Menceburि bidang ukiran bukan perkara yang mudah kerana ia memerlukan minat dan semangat yang tinggi di samping kemahiran. Pengalaman dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

**Kata kunci:** *seni, kraftangan, usahawan, kraftangan kayu, ukiran*

## **ABSTRACT**

*This article is about a wood handicraft entrepreneur, Rohani Md. Piah. The purpose of this article is to find out in more detail about the wood handicraft industry run by Mrs. Rohani Md Piah. After getting an offer to follow a course organized by Kraftangan Malaysia Pahang branch, since then Rohani's interest in the field of wood crafts began to germinate. In the early stages, Rohani used his skills by accepting orders to make school chairs and desks. He then managed to open his own workshop in 2001 with the help of machines from Kraftangan Malaysia. Rohani and her husband Mohamad Mat Nor have a workshop named Warisan Craft Wood located in Kampung Darat Sanggang, Temerloh, Pahang. Ms. Rohani and her husband were also selected by the state government to promote congkak sculptures in conjunction with the handicraft exhibition at the Harrods Store, London, United Kingdom in 2006. Venturing into the field of carving is not an easy task as it requires high interest and enthusiasm as well as skills. His experience and career can be a source of inspiration to everyone.*

**Keywords:** *handicraft, art, entrepreneur, wood handicraft, sculptures*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	ii
Abstrak.....	iv-v
Isi Kandungan.....	vii
Biodata Tokoh.....	ix-x
Pengenalan.....	xii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02-03
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	04-07
Bahagian 3: Kerjaya Awal.....	07-13
Bahagian 4: Seni Dan Kraftangan.....	14-20
Bahagian 5: Kejayaan Yang Diperoleh Dalam Bidang Kraf Tangan Kayu	20-24
Bahagian 6: Warisan Craft Wood .....	25-51
Bahagian 7: Sumbangan Warisan Craft Wood .....	52-54
Bahagian 8: Sumbangan Peribadi.....	54-56
Bahagian 9: Harapan.....	56-58
Rujukan.....	59
Lampiran	
Log Wawancara.....	61-71
Diari Kajian.....	72-73
Senarai soalan.....	74-82
Surat Perjanjian.....	83
Gambar.....	84-85
Indeks.....	86-87

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



### Maklumat Diri

Nama penuh	:	Rohani binti Haji Md. Piah
Nama panggilan	:	Cikgu Ani
Umur	:	48 Tahun
Tarikh lahir	:	15 Julai 1972
Tempat lahir	:	Kampung Gunung Senyum
Tempat menetap	:	Temerloh, Pahang
Nama Ibu	:	Hajah Maimunah binti Haji Ahmad
Nama Bapa	:	Haji Md Piah bin Haji Md Nudin
Pekerjaan	:	Pengurus syarikat Warisan Craft Wood
Bilangan adik-beradik	:	8 Orang (anak ke-5)
Status perkahwinan	:	Berkahwin
Nombor telefon	:	019-2556695

### **Maklumat Pendidikan**

1991 – 1995	:	Kraf Tangan Malaysia, Cawangan Pahang
1986 – 1991	:	Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau
1980 – 1985	:	Sekolah Kebangsaan Gunung Senyum

### **Maklumat Kerjaya**

2001 – kini	:	Pengurus di Warisan Craft Wood
1998 – 2001 :	:	Syarikat eksport perabot di Ulu Yam Baru sebagai QA
1995 – 1998 :	:	Jurudemo di pusat pelancongan di syarikat ‘Penang Culture Centre’ di Pulau Pinang
1993 – 1995 :	:	Bekerja di Kraf Tangan Malaysia dengan ‘Kraf Holding’, memegang jawatan sebagai Line Leader

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Pada masa kini, pelbagai minat dan kemahiran boleh dijadikan sebagai sebuah kerjaya dan sumber pendapatan kepada masyarakat di Malaysia. Begitu juga dengan seni ukiran kraftangan kayu di mana bidang tersebut telah menjadi satu industri yang semakin berkembang pesat di Malaysia malah semakin dikenali dan dibawa ke peringkat antarabangsa. Namun begitu, golongan belia atau generasi muda pada masa kini kurang diberi pendedahan kepada industri sedemikian oleh kerana ianya dianggap sebagai kerja berat dengan suasana yang mungkin kurang selesa menyebabkan golongan muda tersebut tidak berminat untuk cuba mendalami dalam bidang kraftangan kayu. Bagi segerintir masyarakat pula, profesyen dalam bidang tersebut dianggap kelas kedua yang dimana taraf pendidikan dalam bidang tersebut tidak perlukan kelulusan akademik yang tinggi.

Walau bagaimanapun, “industri perkayuan di Malaysia merupakan penyumbang besar kepada sektor komoditi iaitu dengan pendapatan eksport bernilai RM23.2 bilion pada 2017” (Fazurawati, 2018). Jelaslah bahawa, perniagaan kraftangan kayu juga boleh membawa kepada kemajuan industri perkayuan dimana ianya semakin berkembang pesat dan memberi sumbangan terbesar kepada ekonomi negara. Dalam hal ini, ramai juga para usahawan kraftangan kayu atau ukiran telah mengambil peluang ini dengan berusaha untuk memajukan perniagaan mereka sendiri agar dikenali ramai.

"Definisi kraftangan ialah kerja penghasilan peralatan berguna atau hiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya atau perkakas ringkas sahaja" (Cindy, 2015). Kraf kayu atau seni ukir telah menjadi satu tradisi dalam masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, masyarakat etnik Sabah dan Sarawak serta masyarakat orang asli terutamanya, seni pertukangan tangan ini telah lama wujud. Setiap seni ukiran yang dihasilkan mempunyai cara dan teknik yang berbeza. Begitu juga dengan seni ukiran yang berasaskan kayu. Seni ukiran yang berasaskan kayu memerlukan kemahiran dan ketelitian serta cabaran kepada pembuatnya dari proses pemilihan kayu, memotong dan mengukir sehingga menjadi seni kraf yang sempurna seperti perabot, produk hiasan, serta cenderamata.



# **TRANSKRIP**

# **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisahkan tentang temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni kraf tangan kayu. Puan Rohani Md. Piah ialah merupakan seorang pemilik kepada syarikat perusahaan Warisan Craft Wood dari tahun 2001 hingga sekarang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 25 Disember 2020 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 8 malam secara dalam talian. Temubual ini dikendalikan oleh Anis Shafika binti Ismail dan Nurul Syazrah binti Ariff Hazizan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PRMP: Puan Rohani Md. Piah  
AS: Anis Shafika  
NS: Nurul Syazrah

## **PENDAHULUAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni kraf tangan kayu. Bersama-sama kami ialah Puan Rohani Md. Piah yang merupakan seorang pemilik kepada syarikat perusahaan Warisan Craft Wood dari tahun 2001 hingga sekarang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 25 Disember 2020 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 3 petang secara dalam talian. Temubual ini dikendalikan oleh Anis Shafika binti Ismail dan Nurul Syazrah binti Ariff Hazizan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**AS : Jadi untuk bahagian pertama kita akan mulakan dengan latar belakang.**

PRMP : Haa okey [baiklah].

**AS : Jadi apakah nama penuh dan nama gelaran puan?**

PRMP : Okey, assalamualaikum. Nama saya Rohani binti Haji Md. Piah. Nama gelaran saya cikgu Ani. Apa lagi tadi, tak ingat dah. (ketawa)

**AS : Nama penuh dan nama gelaran.**

PRMP : Haa k [okey].

**AS : Seterusnya, dimanakah dan bilakah tarikh puan dilahirkan?**

PRMP : Saya dilahirkan di Kampung Gunung Senyum pada lima belas haribulan tujuh tahun 1972. Sekarang umur saya empat puluh lapan tahun.

**AS : Dimanakah puan berasal dan dimanakah puan menetap sekarang?**

PRMP : Saya memang berasal daripada Negeri Pahang. Sekarang saya menetap di Temerloh, Pahang.

**AS : Apakah nama ibu dan bapa puan?**

PRMP : Nama ayah saya Haji Md Piah bin Haji Md Nudin. Nama mak saya Hajah Maimunah binti Haji Ahmad.

**AS : Seterusnya, berapakah bilangan adik-beradik puan dan puan adalah anak yang keberapa?**

PRMP : Saya mempunyai 8 orang adik beradik. Saya anak yang kelima.

**AS : Siapakah nama suami puan dan apakah pekerjaannya?**

PRMP : Nama suami saya Muhamad bin Mad Noor. Muhamad bin Haji Mad Noor. Suami saya bekerja bersama-sama dengan sayalah. Kami menjalankan perniagaan bersama-sama.

**AS : Soalan terakhir untuk latar belakang, berapakah bilangan anak puan?**

PRMP : Saya mempunyai 3 orang anak, 2 lelaki, seorang perempuan.

**AS : Jadi, kita dah habis untuk bahagian pertama iaitu latar belakang.**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**AS : Seterusnya, kita pergi pada sejarah pendidikan. Mengenai sejarah pendidikan pula, boleh puan ceritakan mengenai latar belakang pendidikan bermula daripada sekolah rendah hingga menjadi seorang usahawan?**

PRMP : Saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Gunung Senyum. Kemudian saya masuk tingkatan 1- 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau. Kemudian saya – pada tahun 91 saya masuk ke Kraf Tangan Malaysia, Cawangan Pahang.

**AS : Dari tahun berapa hingga tahun berapa tu puan?**

PRMP : Di Kraf Tangan Malaysia, Cawangan Pahang tahun 1991-1995.

**AS : Okey, jadi---**

PRMP : Selepas pada tahun 95, saya berkahwin dan saya berpindah ke Pulau Pinang. Saya bekerja sebagai Jurudemo di pusat pelancongan di Pulau Pinang dan saya – saya berhenti dan saya pergi bekerja di sebuah syarikat eksport perabot di Ulu Yam Baru selama tiga tahun. Kemudian pada tahun 2001, saya kembali dan saya pulang semula ke Temerloh. Saya memulakan perniagaan saya pada tahun 2001. 20 haribulan 3 tahun 2001 kalau tak silap saya. Tarikh saya bergelar usahawanlah, saya mula memulakan perniagaan saya.

**AS : Okey, jadi - memang banyak merantaulah. Seterusnya, sewaktu puan zaman sekolah dulu, apakah cita-cita dan impian puan?**

PRMP : Masa sekolah saya memang bercita-cita untuk jadi seorang guru. Lepas saya dapat SPM, ayah saya meninggal dan saya tidak dapat melanjutkan pelajaran saya ke peringkat yang lebih tinggi, jadi saya mengambil keputusan untuk

memasuki kraftangan iaitu bidang kemahiran.

**AS : Oh bidang kemahiran. Yang selama 5 tahun ni kan?**

PRMP : Haa selama 5 tahun. Ya, ya.

**AS : Jadi seterusnya, *throwback* [kemunduran] sikitla sewaktu zaman sekolah tu adakah puan seorang pelajar yang aktif sama ada dari segi akademik ataupun kokurikulum?**

PRMP : Saya aktif -daripada segi akademik, saya agak menyerlah dalam mata pelajaran ‘Matematik’ dan ‘Seni’.

**AS : Memang berkaitlah.**

PRMP : Saya suka melukis. Jadi lukisan saya tu biasanya ‘A’. Jadi keputusan ‘SPM’ saya banyak dibantu oleh lukisan sayalah. Sebab lukisan saya dapat ‘A’ kan. Pastu dalam kokurikulum, sukan saya- bola jaring saya tak suka sebab banyak berlari, saya main bola tampar, karom dan pingpong.

**AS : Karom dan pingpong?**

PRMP : Em.

**AS : Kiranya lebih pada permainan yang statik jelah.**

PRMP : Aa ya. Tak banyak pergerakan, berlari. (ketawa)

**AS : K [okey] seterusnya, apakah kelab atau pertandingan yang puan pernah sertai semasa di sekolah menengah?**

PRMP : Saya di sekolah saya takde sangat rasanya, wakil sekolah saya takde cuma, saya main memang untuk -- kesihatan sayalah, untuk diri saya. Tak pernah terpilih untuk mewakili sekolah ke pertandingan mana-manalah.

**AS : Kiranya, dekat permainan pingpong tu hanyalah sekadar suka-suka saja ke?**

PRMP : Aah. Tapi bila saya – bila di dalam kraftangan, saya pernah mewakililah-

peringkat macam, kami dae—apa, negeri Pahang, macam lawan sukan dengan negeri-negeri lain kan. Yang tu saya pernah masuk, saya pernah terpilihlah.

**AS : Kiranya antara ---**

PRMP : Pingpong, karom ha.

**AS : Antara ni eh, antara kraf?**

PRMP : Haa antara kraf negeri-negeri. Sebab seluruh Malaysia ada negeri masing-masing punya kraf. Macam kami Pahang, kraf kayu. Contohnya Kelantan batik, Terengganu songket. Dia ada- dia ada *special* [keistimewaan] bidang masing-masinglah.

**AS : Oh, ingatkan kalau pertandingan tu, pertandingan kraf tu sendiri kan. Dia ada sukan jugak.**

PRMP : Haa dia ada sukan --- kami ada sukan tahunan.

**AS : Mungkin nak mengeratkan lagi, apa ni ---**

PRMP : Haa ya. Sebabnya setiap negeri ada dia punya *student* [pelajar] dia. Ada pelatih dia. Dia panggil pelatih.

**AS : Oh pelatih. Jadi, daripada apa kokurikulum puan, ataupun akademiklah ada tak anugerah yang pernah puan dapat sewaktu zaman sekolah dahulu?**

PRMP : Zaman sekolah takde [tiada]. Seingat saya, saya tiada.

**AS : Kiranya untuk yang pertandingan yang tu jelah [sahaja], yang kraf tu kan?**

PRMP : Haa yang kraf tu je [sahaja]. Sekolah rendah – tiada, sekolah menengah pun tiada.

**AS : Jadi, seterusnya adakah puan pernah mendapat biasiswa semasa sekolah menengah dan semasa di peringkat pengajian tinggi?**

PRMP : Saya pernah dapat beraswa daripada tingkatan 1- tingkatan 5, beraswa daripada

‘Persekutuan’. Dipanggil ‘Biasiswa Persekutuan’. Sebab dia ada ‘Yayasan Pahang’ dan ‘Persekutuan’ tapi saya dapat yang ‘Persekutuan’ punyalah.

**AS** : Okey, yang puan menyertai kursus kraftangan Malaysia tu kan, yang 5 tahun tu ada dapat juga tak tajaan biasiswa untuk ---?

**PRMP** : Kami dibayar elau setiap bulan.

**AS** : Adakah puan mempunyai pengalaman dan latar belakang pendidikan dalam bidang keusahawanan atau seni kraftangan semasa peringkat pengajian?

**PRMP** : Sebenarnya, sebab sewaktu saya mula belajar di Kraftangan, selepas 6 bulan saya belajar saya telah dilantik menjadi Penyelia. Jadi, segala – kebiasaan kursus kursus keusahawanan, macam-macam kursuslah, akaun apa semua, saya akan *join* [sertai] lah, saya akan terpilih untuk mewakili Negeri Pahanglah. Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kraf Tangan Malaysia, ‘NPC’, masa tu [itu] ‘National Productivity Coperation’ kalau tak silap saya. Daripada MARA, MITI ‘M.I.T.I’, banyaklah, banyak agensi kerajaan yang anjurkan kursus dan saya *join* [sertai] lah. Saya terpilih untuk menyertai.

**AS** : Oh kira puan memang aktif jugaklah sewaktu dalam Kraf Tangan tu kan.

**PRMP** : Haa ya.

**AS** : Seterusnya, kita dah habis untuk sejarah pendidikan.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL

**AS** : Kita pergi pula pada kerjaya awal. Okey baiklah puan. Untuk pekerjaan

**awal ni, kita nak tahu lah dengan lebih lanjut apakah pekerjaan awal yang puan lakukan sebelum puan memulakan perniagaan Warisan Craft Wood?**

PRMP : Okey. Pada peringkat awalnya, saya meneruskan kerja saya di – di Kraf Tangan Malaysia waktu tu dalam – dengan ‘Kraf Holding’. ‘Kraf Holding’ saya memegang jawatan sebagai Line Leader waktu tu. Saya bekerja lebih kurang dalam 2 tahun macam tu, saya berhenti. Saya berhijrah ke Pulau Pinang sebagai Jurudemo di sebuah pusat peranginan – peranginan dan perlancongan di- nama *company* [syarikat] tu ‘Penang Culture Centre’. Terletak di Teluk Bahang Pulau Pinang, saya berkerja disitu selama 2 tahun – 2 tahun setengah kalau tak silap saya. Kemudian saya berhenti, saya berpindah ke Kuala Lumpur, saya bekerja di sebuah kilang eksport perabot ke luar negaralah. Ke Dubai, Europe – itulah. ‘*Baby board*’ katil baby.

**AS : Oh katil *baby* [bayi].**

PRMP : Ha itu untuk eksport, macam untuk dalam negara kilang yang saya kerja tu, kami buat perabot, kalau nak tahu pada masa tu [itu] UIA Gombak baru mula buat dia punya universiti. Okey segala perabot di dalam UIA Gombak tu, syarikat yang tempat saya bekerja tulah yang *supply* [membekalkan], yang buat perabot untuk universiti.

**AS : Kiranya ---**

PRMP : Haa saya memang bekerja dengan kilang yang buat perabot untuk eksport dan untuk perabot tempatan.

**AS : Memang puan dah ambil pengalaman untuk apa ni, kraftangan tu kan.**

PRMP : Haa ye [ya]. Waktu tu jawatan saya sebagai ‘QA’. ‘QA’ ni akan menguruskan segala produk ataupun tempahan yang *loding* [memuatkan] masuk kontena. Jadi, kontena tu berapa puluh kaki pun saya yang akan kira berapa banyak *Baby*

*board* [katil baby] boleh masuk dalam kontena tu. Untuk *lodging* [memuatkan] untuk eksport punya.

**AS : Oh faham, okey. Jadi pada tahun bila, dan berapakah usia puan sewaktu pertama kali puan menjakkan kaki ke alam pekerjaan. Alam pekerjaan ni lah?**

PRMP : Saya waktu tu saya berusia 19. Lepas SPM- lepas SPM 17 kan, masa saya umur 18 tahun tu saya duduk dengan mak cik saya dulu sementara nak dapat kerja. Bila saya dapat kursus di kraftangan tu, saya berusia 19 tahun.

**AS : Okey. Muda lagilah kiranya puan apa ni, menjakkan ke alam---**

PRMP : Haa. Sebab saya, ayah saya meninggal masa saya tengah ambil SPM. *Paper* [kertas] 2, ‘BM 2’.

**AS : Ingat lagi ya.**

PRMP : Ha saya ingat sebab saya menangis waktu tu, buat karangan tu saya menangis. Pastu cikgu pegang bahu saya dia kata “*You* [awak] kena jawab, ini BM *Paper* [kertas] 2, kalau *you* [awak] tak jawab, *you fail* [awak gagal]. *You* [awak] kena jawab.” Air mata saya lagi banyak (ketawa). Sampai tukar kertas lain untuk buat karangan tersebut. Tapi Alhamdulillah, SPM saya okey. Cuma saya takde [tiada] orang nak biaya saya belajar lebih tinggi waktu tu. Sebab abang saya 2 orang kat universiti masa tu. Saya, pastu [selepas itu] ada adik-adik saya lagi yang tengah sekolah. Mak saya tiada, tiada sumber pendapatan, masa tu menoreh getah kan.

**AS : Alhamdulillah, dah jadi berjaya kan seperti sekarang.**

PRMP : Haah ya (ketawa). Alhamdulillah.

**AS : Jadi, sekiranya puan masih ingat berapakah gaji/pendapatan awal sewaktu pekerjaan dahulu?**

PRMP : Pada ketika tu, sewaktu saya memegang jawatan sebagai Line Leader gaji saya 450 Ringgit setelah ditolak EPF dan SOCSO, ada lah *balance* [baki] dalam 415 Ringgit kalau tak silap saya. Itulah gaji saya pada ketika tu. Tahun 93, 94, 95 ha itulah gaji saya.

AS : **Kira dengan gaji tulah menyara kehidupan puan kan.**

PRMP : Haa. Saya sara kehidupan saya sendiri dan adik-adik saya masa sekolah.

AS : **Baik. Jadi setelah puan berpengalaman dalam berapa ya, 3 jenis kerja kan sebelum Warisan Craft Wood ni, apakah persamaan dan perbezaan antara pekerjaan terdahulu dengan pekerjaan puan sekarang?**

PRMP : Sebenarnya pekerjaan tu, tak jauh beza. Apa yang saya lakukan tak jauh beza. Cuma kedudukan saya dulu saya sebagai pekerja, dan sekarang saya sebagai majikan. Itu je beza. Kerja, produk dan barang yang saya jualkan lebih kurang sama dengan yang masa saya bekerja dahulu.

AS : **Dari segi suasana, pengurusan masa tu macam mana?**

PRMP : Alhamdulillah, saya cuba bahagikan masa tu sebaik mungkin. Maknanya, kalau di tempat kerja saya sebagai majikan, kalau saya dirumah saya sebagai isteri dan ibu kepada anak-anak saya.

AS : **Jadi, okey. Kita pergi kepada kraftangan kayu ni. Bagaimana tercetusnya idea puan untuk membangunkan sebuah perusahaan kraftangan berasaskan kayu. Sebab kita tahu ada banyak kan, kraf kan. Macam mana boleh pilih kayu tu.**

PRMP : Yang pertamanya sebab saya masa saya belajar, memang kos saya jurusan saya adalah kayu. Jadi bila saya nak buat perniagaan, takkan saya nak buat perniagaan yang berasaskan benda lain pulak kan. Sedangkan saya dalam perkayuan.

**AS : Haah betul-betul.**

PRMP : Tapi yang menjadi masalahnya, bila nak buat perniagaan dalam bidang saya ni memerlukan mesin jentera dan bengkel yang tersendirilah. Yang sendiri punya. Sebab modalnya terlalu besar waktu tu. Jadi, bila saya di – memulakan perniagaan tu, saya mula sewa bangunan di dalam premis kerajaan iaitu di Kraftangan Malaysia, cawangan Pahang di- sekarang ni dipanggil pusat incubator lah di Temerloh. Saya sewa bangunan disitu, mereka bagi kami lot lah, macam biliklah untuk kami buat kerja untuk ruang pejabat sendiri. Saya sewa didalam Kraftangan selama 6 tahun. Waktu sewa di Kraftangan mesin jentera kami boleh guna cuma bayar utiliti lah. Bayar api, air dan sewa bangunan untuk tempat tu. Waktu tu mereka kenakan kadar sewa yang agak berpatutan, tidak membebankan saya jadi saya ada peluang untuk mengumpul sedikit duit ataupun dana untuk saya memulakan perniagaan di luar pada premis perniagaanlah. Jadi saya ambil langkah pertama, 3 tahun saya berada di Kraftangan saya dah cukup duit untuk beli tanah itu, tapak bengkel saya sekaranglah. Dah beli tanah, kemudian mesin itu setiap bulan saya akan wajibkan diri saya untuk beli mesin-mesin *portable* [mudah alih], mesin-mesin kecil. Jadi pada tahun 2006, bila saya kena keluar daripada Kraftangan tu, daripada premis kerajaan tu saya terus buat bangunan dan saya keluar pun, saya keluar dengan keadaan bergaya dan – (ketawa), sebab saya dah ada mesin-mesin.

**AS : Dah buat persediaan.**

PRMP : Haa ya. Saya keluar tu saya terus ada mesin jadi saya terus boleh buat perniagaan saya sendiri. Di samping tu, saya masih lagi lah ulang-alik masuk ke dalam Kraftangan untuk guna mesin-mesin yang saya belum ada. Jadi

Alhamdulillah, setakat harini semua mesin saya dah ada. Kelengkapan dan keperluan tu saya dah ada sendiri lah.

**AS : Kiranya kos mesin tu agak mahal jugakla ya?**

PRMP : Haa mahal. Sebabnya bila nak mulakan perniagaan, industri kayu ni memang agak mahal berbanding dengan kraf-kraf yang lain, bidang-bidang kraf yang lain. Contoh batik, takperlu mesin sangat kan.

**AS : Haa lebih pada tangan (ketawa).**

PRMP : Haa. Jadi kami ni guna mesin terpaksalah. Tapi Alhamdulillah lah, beli sikit perlahan-perlahan lama-lama adalah. Bila saya dah menapak dalam tu, Kraftangan pun ada bagi bantuan dari segi tambahan untuk besarkan bengkel. Dia orang ada bagilah ke saya.

**AS : Kiranya puan memang dah ada perancanganlah sewaktu sewa lagi tu memang dah prepare dah nak beli mesin.**

PRMP : Haah ya. Saya dah *prepare* [persiapan]. Memang saya dah, apa orang kata saya dah pergikan diri saya 5 tahun kehadapan. Saya memang rancang benda tu daripada--- maknanya saya dah mula sesuatu tu, saya fokus. Bila saya buat, saya mesti nak. Mesti nak, kalau orang lain ada, saya mesti ada. Itu prinsip saya.

**AS : Prinsip yang memang sepatutnya setiap daripada ahli usahawan ni memang kena pegang. Jadi---**

PRMP : Hmm. Sebabnya bagi saya 5 tahun lagi contohnya saya nak duit dalam akaun saya ada 100,000 ribu, waktu tulah, waktu saya mula-mula bermiaga. --- Saya target, memang saya pulun. Saya akan pastikan saya ada. Contohlah, contoh saya macam tu. Kalau saya target, saya nak beli kereta contoh saya nak pakai 'Hilux' saya target 3 tahun lagi saya mesti ada 'Hilux'. Saya nak bawa keluar barang senang apa semua, nak pergi mana-mana senang. Alhamdulillah, target saya

memang tercapai. Memang saya punya *style* [gaya] memang saya pulun. Saya fokus.

**AS** : **Jadi dalam puan menjalankan perniagaan itu puan ingat tak pada usia berapa puan mula menjalankan perniagaan kraftangan kayu ini?**

**PRMP** : Saya mula bermiaga umur saya 27 tahun.

**AS** : **Sewaktu puan mula menjalankan perniagaan ini, apakah penerimaan orang sekeliling iaitu termasuk keluargalah yang paling penting apabila puan memutuskan untuk menubuhkan syarikat kraf ini?**

**PRMP** : Dia orang yang paling marah dan menentang saya mak sayalah. Sebab dia takut kalau saya berhenti kerja, waktu tu saya kerja di Kuala Lumpur kan, gaji saya agak lumayan. Bagi dia kalau saya berhenti kerja, macam mana saya nak biaya anak saya waktu tu saya ada seorang sahaja anak, anak sulung. Dia rasa macam, macam mana nak bayar kereta, macam mana nak bayar duit rumah, bayar duit pengasuh anak kan. Sebab saya dah tak kerja, saya dah berhenti. Saya rasa takpe [tidak mengapa] saya nekad, masa tu saya nak buat jugak. Tapi waktu tu saya berhenti berdua dengan suami, dua-dua orang tu. Lepastu selang, bila saya rasa bermiaga tu dalam 6 bulan suami saya macam dia goyang. Dia macam rasa streslah. Sebab nak bayar duit kereta apa semua, macam tak cukup kan. Okey, pastu saya kata takpe saya benarkan suami saya bekerja semula – lepastu selepas 6 bulan suami saya bekerja, nak masuk 7 bulan macam tu saya dah rasa tak selesa sebab saya takboleh buat seorang. Saya nak pergi beli barang lagi, nak *handle order* [uruskan tempahan] lagi, buat kerja lagi, saya dah tak boleh buat sendiri. Saya bagitahu suami saya, “Berhenti kerja, tolong saya semula”. Suami saya pun berhenti, dan tolong saya semula lah. Alhamdulillah, kami berjaya lah. Kami berjaya harungilah benda tu. Kesusahan.

## TAMAT BAHAGIAN 3

### BAHAGIAN 4: SENI DAN KRAFTANGAN

**AS : Seterusnya kita pergi kepada bahagian seni dan kraftanganlah. Untuk bahagian seni dan kraftangan ni, apakah yang menyebabkan tercetusnya minat puan dalam perniagaan dan seni kraftangan? Adakah memang dari kecil lagi kan puan memang minat dalam seni kan.**

PRMP : Saya memang family saya dalam *background* [latar belakang] bisnes. Ayah saya seorang peniaga. Arwah ayah saya meniaga. Jadi mungkin darah perniagaan tu dah ada. Sewaktu saya bekerja dengan orang pun, saya dah macam – saya tak boleh terlalu menerima arahan. Saya tak boleh *stress* [tertekan]. --- Jadi memang tak sesuai bekerja dengan orang. Jadi itu yang saya lebih cenderung untuk meniaga.

**AS : Kira memang salasilah keluarga pun memang dari segi bisnes.**

PRMP : Aaa. Memang arwah ayah saya memang bisnes meniaga.

**AS : Untuk yang kraf ni, ada ke dari keluarga puan?**

PRMP : Dari keluarga saya, atuk sebelah mak saya. Atuk saya memang dia buat perahu, perahu tu memang dia buat untuk juallah. Dan orang belilah, dia buat tempahan.

**AS : Baik.**

PRMP : Tapi dulu-dulu punya *style* [gaya] memang tak macam kita kan, dia punya *style* [gaya] meniaga tu. Tapi dia punya konsep meniaga, orang tempah memang sama macam kita sekarang.

**AS : Dah ada lah juga kraf kayu tu.**

PRMP : Haa kraf kayu tu memang dah ada. Atuk saya memang pandai buat perahu. Atuk sebelah mak.

**AS : Ya, adalah. Menurun ke puan kan InShaa Allah.**

PRMP : Haa ya. InShaa Allah. (ketawa)

**AS : Jadi, setelah puan dah lama dalam apa ni asas seni kraftangan kayu ni,  
boleh puan ceritakan serba sedikit tentang seni kraf tangan kayu ini?**

PRMP : Kayu ni dia banyak – cabanglah. Banyak bidang macam kayu ni kita boleh buat rumah, boleh buat chalet, buat gazebo, pagola. Dengan kayu juga kita boleh buat perabot, kerusi, meja, *outdoor* [luaran], *indoor* [dalaman] punya perabot kan. Pastu dengan kayu pun, kita boleh buat cenderahati, contohnya kotak *pencil box* [bekas pensil], ukiran panel dinding jadi memang kayu ni banyak dia punya kegunaannya lah. Maksudnya, boleh perabot luar, perabot dalam, buat rumah apa semua lah. Jadi banyak kegunaan dia.

**AS : Kiranya ada jugak ya untuk - dari segi pembuatan rumah pun ada jugak.**

PRMP : Ada. Saya memang sekarang ni 3, 4 tahun kebelakangan ni saya banyak buat rumah. Saya buat chalet.

**AS : Oh, memang besarlah projek tu kiranya.**

PRMP : Alhamdulillah. (ketawa)

**AS : Besar jugak tu (ketawa)**

PRMP : Banyaklah contoh-contoh rumah-rumah yang golongan VIP tempah dengan saya, banyaklah.

**AS : Baru terfikir chalet semua tu kan. Memang menariklah ukiran dia.**

PRMP : Haah.

**AS** : Jadi, berkaitan dengan seni ini, apakah pendorong utama yang menyebabkan puan lebih cenderung untuk memilih kraf jenis ini berbanding kraf lain? Tapi dari awal lagi puan belajar kan tentang kraf kayu ni.

**PRMP** : Hm. Dia sebenarnya perkara pokok utamanya sebab saya bertemu jodoh dengan suami saya tu. Sebab kami di bidang yang sama. Jadi, kekuatan untuk saya memulakan perniagaan tu agak cerah sebab kami berdua. Dia pandai, saya pandai. Jadi peluang kami sangat cerahlah. Maknanya kami boleh berkongsi ilmu yang sama, - saya dan suami saya lebih kepada macam *partner share* [rakan kongsi], macam sahabat, macam kawan. Jadi senang, bila saya bekerja dengan dia jadi peluang untuk kami bergaduh tu tiada. Saya tak sempat nak bergaduh dengan suami saya. (ketawa) Sebab kami di bidang yang sama. Itulah perkara pokok yang menyebabkan saya berjaya dan saya membuka perniagaan ni.

**AS** : **Alhamdulillah. Jadi sudah semestinya idola puan tu memang suami puan lah. Pendorong utama yang menggerakkan puan sewaktu awal-awal lagi nak menceburkan diri dalam bidang ni kan.**

**PRMP** : Ya betul. Dia tulang belakang saya.

**AS** : **Seterusnya, apakah motivasi diri yang puan lakukan pada peringkat awal penglibatan dalam perniagaan sehingga sekarang? Prinsip la kiranya.**

**PRMP** : Prinsip saya, saya fokus. Saya lebih kepada sabar, syukur dan redha dengan apa yang ada. Walaupun saya rasa bila saya buat sesuatu projek tu, sangat susah untuk melaksanakannya tapi saya tetap berusaha, bersabar supaya dia berjaya. Alhamdulillah, saya boleh.

**AS** : **Sewaktu puan dalam perniagaan Warisan Craft Wood ni, adakah secara**

**sampinganlah puan pernah menyertai mana-mana kursus perniagaan tak, ataupun kursus seni kraftangan disamping puan menguruskan perniagaan?**

PRMP : Di samping saya menguruskan perniagaan, saya akan hadirkan diri saya ke mana-mana kursus yang ditawarkan supaya---. Contohnya kursus *online* [dalam talian], kursus keusahawanan, macam-macam kursus yang dianjurkan yang ditawarkan kepada Warisan Craft dan saya akan pergi, kalau saya tak pergi suami saya akan pergi. Kalau suami saya tak pergi, saya hadirkan staf sayalah. Kami *adjust* [melaraskan] lah walau macam mana pun. Janji Warisan Craft hadirkan diri untuk mana-mana program yang diadakan.

AS : **Kiranya memang walaupun dah lama dalam bidang ni puan usaha juga nak cari input.**

PRMP : Haa, saya masih menuntut ilmu hingga ke sekarang.

AS : **Salah satu tips juga tu kan untuk berjaya.**

PRMP : Haah. Sebab baru-baru ni pun ada kursus *online* [dalam talian] saya tetap *join* [sertai] walaupun saya dah berapa kali dah ambil kursus *online* [dalam talian], saya tetap pergi juga. Sebab saya taknak ilmu yang saya dapat tu macam tenggelam, saya lupa dan saya sentiasa nak ada *remind* [peringatan] mengingatkan saya.

AS : **Jadi antara banyak-banyak kursus tu boleh puan ceritakan tentang kursus-kursus yang pernah puan sertai dan kebiasaannya di mana kursus itu berlangsung?**

PRMP : Okey, yang agak baru juga berlangsung di --- PD [Port Dickson], Negeri Sembilan, kursus *online* [dalam talian]. Maksudnya saya belajar untuk ambil produk dengan betul, cara kita nak *posting* [menyiarkan] kita punya *awareness*

[kesedaran] kita apa semua lah dalam ‘Facebook’. Pastu cara kita nak *market* [pasar] kan kita punya produk melalui *marketplace* [tempat pasaran] ke, apa ke. Kita nak masuk Shopee ke contohla, Shopee, Lazada ke kalau kita nak ada ruang ataupun platform untuk kita masuk situ. Itu saya belajar. Saya pun dah mula masukkan produk saya dalam ‘MyCraft Shop’ macam ‘Shopee’ tu Alhamdulillahlah, ada yang *order* [tempahan] sikit-sikit melalui Shopee *online* [dalam talian].

**AS : Kiranya dalam platform dalam talian pun puan guna jugaklah untuk perniagaan puan?**

PRMP : Ha ya. Saya guna.

**AS : Memang ramai lah, dapat sambutan tak---**

PRMP : Ada. Seperti kadang-kadang tu tengoklah kalau saya tak boleh nak ambil order tu, adalah cara kita berbicara dengan *customer* [pelanggan] alam maya ni kita tak nampak kan. Tapi Alhamdulillah dia berjalan dengan agak baik. Ada sesetengah produk saya yang memang okey dengan *online* [dalam talian], ada setengah tu tak boleh.

**AS : Oh macam tu ye.**

PRMP : Haah. Sebab ada setengah produk yang *customer* [pelanggan] nak pegang, nak tengok, nak jumpa macam mana lah. Tapi ada setengah produk yang dia boleh *online* [dalam talian] terus. Makna dia boleh order terus. Berapa ringgit dia nak, dia boleh order terus. Ha macam tu. Ada jenis produklah.

**AS : Jadinya platform *online* [dalam talian] tu kebiasaannya siapa yang uruskan. Staf puan ke ataupun puan sendiri?**

PRMP : Sekarang ni saya dah banyak bagi dekat staf saya, anak saya sendirilah. Anak saya yang nombor dua tu. Sebab dia buat akaun, dia banyak tolong tengoklah

saya punya Facebook, apa semua. Kalau ada order ke apa ke, dia yang tolonglah.

**AS : Kiranya setakat ni Shopee website [laman web] pun puan ada juga kan untuk Warisan Craft Wood?**

PRMP : Haa. Biasanya kerja-kerja *online* [dalam talian] saya serahkan pada budak-budak praktikal. Tapinya, praktikal yang sepatutnya masuk pada bulan 11 haritu telah ditunda pada bulan 2. Jadi, saya sekarang ni saya takdelah budak praktikal tu. Tapi diorang masih lagi membantu saya lah walaupun diorang tiada di bengkel, saya akan bagi diorang [mereka] kerja lah. Yang kalau ada kerja-kerja yang saya nak minta tolong, saya minta tolonglah dari diorang. Nanti mereka start masuk bulan 2 nilah semula.

**AS : Jadi sepanjang ni diorang tak *start* [mula] lagi lah?**

PRMP : Diorang tak start lagi sebabnya PKPB nilah. Itu punca (ketawa)

**AS : Jadi, daripada kursus-kursus yang puan sertai apakah impak ataupun hasil yang puan dapat daripada kursus tersebut yang boleh diaplikasikan dalam perniagaan puan nilah. Salah satunya mungkin lah apa ni, *online platform* [platform dalam talian] kan.**

PRMP : Salah satunya itulah. Yang lain tu, cumanya kursus ni perlu. Sebab kadang-kadang ada benda yang kita tak tahu sebenarnya. Tapinya, bila kita pergi kursus tu, kita belajar sesuatu yang baru. Benda yang baru kita tak tahu, kita akan dapat tahu dan satu lagi kadang-kadang benda tu kita dah pernah jumpa dan dia menjadi satu ulangan bagi kita untuk kita lebih memantapkan diri kita lagi lah. Penyediaan diri kita tu. Sebenarnya kursus ni untuk memantapkan diri kita. Untuk memperkasakan diri kita lagi menghadapi situasi macam kalau kita – dalam keadaan – modal takde ke, tiba-tiba bisnes kita *drop* [jatuh] ke, tiba-tiba

*order* [tempahan] kita *reject* [tolak] ke. Itu sebenarnya kita punya kekuatanlah.

Kita punya, apa orang kata, diri kita tu kena siapkan diri.

**AS : Sebagai seorang yang sememangnya mempunyai banyak pengalaman dalam bidang seni kraftangan, boleh tak puan ceritakan serba sedikit apakah kemahiran/teknik yang perlu dikuasai untuk mungkin seorang di luar sana yang nak berjaya dalam bidang kraf ini?**

**PRMP :** Kraf ni satu bidang seni. Jadi, bila seni ni dia berkaitan dengan hati. Hati kena halus, kena kuat kena menjiwai seni tersebut, tak cepat mengalah. Memang hati kena kentallah orang kata. Kena kuat. Pastu kena sabar dengan kerendah pekerja, pelanggan, *supplier* [pemborong], banyak orang yang bekerja akan berdepan dengan mereka. Ancaman kita, pelanggan kita. Pelanggan kita sangat suka memprotes, komen kita punya produk. Jadi bersedia lah untuk itu. Jangan melatah. Sebabnya *customer is right* [pelanggan sentiasa betul]. Orang kata kan. Tak semestinya dia *right* [betul], tapinya kita kena anggap dia *right* [betul] lah. Kiranya ada benda yang kita nak pertahankan, pertahankanlah dengan sebaik mungkin. Supaya kita tidak kehilangan pelanggan sebab bagi saya, satu pelanggan yang datang kat saya tu, saya dah target dah. Saya target Ringgit Malaysia dia akan saya dapat. Kita target duit didalam poket dia untuk kita dapatkan. Jadi, -- peluang kita tak selalunya ada. Jadi kena pandailah untuk *tackle* [mengatas] pelanggan.

**AS : Betul tu.**

#### TAMAT BAHAGIAN 4

### BAHAGIAN 5: KEJAYAAN YANG DIPEROLEH DALAM BIDANG KRAF TANGAN KAYU

AS : Jadi, kita dah nak diakhir sesi dah, sambung sikit lagi untuk kejayaan. Apakah kejayaan yang telah berjaya puan capai selama puan berkecimpung dalam bidang ini?

PRMP : Haa k [okey]. Kejayaan tu, bagi saya kejayaan saya bila saya dapat menyiapkan tempahan dan produk yang pelanggan tempah tu, itu satu amanah. Itu bagi saya kejayaan. Dan kejayaan yang diiktirafkan untuk saya baru-baru ni adalah sebagai – anugerah ‘Usahawan Kraf Wanita’ tahun 2019 berjaya saya dapatkan gelaran tu, walaupun saya terpaksa bersaing dengan – kalau tak silap saya bersaing dengan 12 negeri. Saya dari negeri Pahang. Tapi Alhamdulillah, dengan pelbagai rintangan (ketawa) saya berjaya mendapatkan gelaran tersebut.

AS : **Alhamdulillah, dianugerahkan mengikut yang kami baca, dianugerahkan oleh --- Agong ya?**

PRMP : Raja Permaisuri Agong.

AS : **Haa Raja Permaisuri Agong. Memang percapaian terbesar puanlah sepanjang ----**

PRMP : Setakat ini itulah yang terbesar dan saya pun sedang mempersiapkan diri saya ada satu lagi anugerah yang, yang ini ber--- agak tinggi, lagi tinggi sebab dia di peringkat antarabangsa. Dan *InShaa Allah* [Dengan Izin Allah] kalau ada rezeki saya pun akan diterbangkan ke luar negaralah untuk menerima anugerah ini. Tapi saya tak boleh nak cakap lagi anugerah apa sebabnya saya pun belum dapat lagi, tapi doakanlah supaya anugerah tersebut menjadi rezeki saya dan syarikat saya Warisan Craft Wood.

AS : **InShaa Allah [Dengan Izin Allah]. Semoga dipermudahkan. Pada bulan berapa bulan tu, memang rahsia la?**

PRMP : Haa yang tu rahsia lagi. Kalau dah dapat nanti baca *paper* [surat khabar] lah.  
(Ketawa).

**AS : Ok baik. (Ketawa). Untuk sesi yang ----**

PRMP : Baca surat khabar lah (ketawa).

**AS : Kena tengok *paper* [surat khabar] dulu ni.**

PRMP : Nanti kalau apa-apa nanti saya info. Sebab *number phone* [nombor telefon]  
awak saya *save* [simpan].

**AS : (Ketawa). Ok dah habis dah sesi ni. Ok terima kasih puan.**

PRMP : Kalau ada masa bacalah buku teks tingkatan 2, --- ‘Pendidikan Seni Visual’. Di  
dalam tu ada saya. Carilah, kira dalam buku tu ada saya.

**AS : InShaa Allah. Nanti kena belek semula ni buku teks.**

PRMP : Haa buku teks tingkatan 2.

## **SAMBUNGAN BAHAGIAN 5: KEJAYAAN YANG DIPEROLEH DALAM BIDANG KRAF TANGAN KAYU (SESI -2)**

**NS : Apakah kriteria yang menyumbang kepada anugerah tersebut?**

PRMP : Yang pertama anugerah tersebut – khas untuk golongan wanita yang  
berkecimpung dalam kraftangan dan berjaya memartabatkan diri ataupun  
mengangkat diri mereka termasuklah saya untuk peringkat yang tinggi. Maksud  
saya -- dari segi hasil jualan tahunan, keperibadian – saya tak tahu kriteria itu di  
– telah diadili oleh pihak kraftangan tu sendiri lah. Jadi, apa yang saya tahu  
kemungkinanlah ataupun memang khas untuk wanita yang berjaya, anugerah  
tersebut.

**NS : Okey, bagi puan apakah persiapan dan cabaran yang dalam-- untuk mendapatkan anugerah tersebut?**

**PRMP :** Sebenarnya saya tak pernah *plan* [merancang] ataupun terbayang, termimpi untuk menerima anugerah tersebut. Apa yang saya telah buat sehingga ke hari ini ialah kesungguhan saya untuk bermula. Saya tidak --- meletakkan diri saya untuk – maksud saya bukan niat saya untuk bersaing dengan mana-mana ataupun sesiapa ke, tetapi mungkin pihak kraftangan memerhati atau memandang saya punya kelayakan tu, rezeki tulah. Sebab saya niat, niat saya memang nak cari duit untuk keluarga saya, untuk pendapatan sayalah. Untuk menampung perbelanjaan saya. Jadi, saya tidak pernah termimpi pun untuk menerima anugerah tersebut tapi syukur Alhamdulillah, Allah dah bagi saya terima. Tapi untuk orang kata, untuk *ready* [bersedia] kearah itu tiada. Sebabnya kita tak pernah tahu pun yang Kraf Tangan ada menyediakan anugerah-anugerah tersebut. Tapi yang paling utama, setiap program yang Kraf Tangan anjurkan saya akan ikuti. Termasuklah ‘Kursus Bimbingan Teknikal’ ke apa ke, lawatan luar negara ke, lawatan dalam negeri ke, -- apa sahaja – program yang Kraf Tangan anjurkan, saya *join* [sertai]. Mungkin disitu mereka melihat kesungguhan saya untuk menghadirkan diri saya bersama dengan Kraf Tangan.

**NS : Rezeki puan. Bagaimana dengan perasaan puan?**

**PRMP :** Sebenarnya sebelum kami, sebelum saya menerima anugerah tersebut saya diberitahu yang saya telah dicalon. Jadi, mereka meminta biodata saya, ada maklumat-maklumat yang agak rahsia, saya terpaksa bagi lah. Mereka minta, saya bagi *sales* [jualan] tahunan, macam-macam lah saya bagi. Apa yang diorang (mereka) minta saya bagilah. Untuk memenuhi saya punya pertandingan tu lah. Saya rasa sebelum, 3-4 hari sebelum anugerah tu – untuk menerima

anugerah tu, baru saya beritahu. Jadi, persiapan tu takde [tiada] lah sangat, sehingga beli baju pun saya tak sempat. Saya pakai je [sahaja] mana baju yang ada. (ketawa)

NS : **K (okey). Bagaimana dengan reaksi keluarga puan setelah puan mendapat anugerah tu?**

PRMP : Orang yang pertama tahu saya, saya layak menerima anugerah ialah suami saya. Sebab pihak Kraf Tangan telah menelefon beliau. Daripada rumah dia bagitahu saya, saya tak tahu lagi masa tu. Orang yang kedua *happy* [gembira] mak saya dan anak-anak lah. Mak saya pun, saya hantar mak saya dari kampung ke Kuala Lumpur untuk hadir bersama sewaktu hari penerimaan anugerah tersebut.

NS : **Setelah mendapat anugerah tersebut, adakah dapat impak ataupun kesan terhadap puan seperti mendapat jawatan mana-mana pihak atau jawatan di mana-mana organisasi yang berkaitan dengan bidang kraftangan?**

PRMP : Setelah daripada --- pengiktirafan tersebut, ramai yang kenal saya lah. Sebelum tu, memang ramai yang kenal pun. Tengok dari segi *sale* [jualan] saya pun agak meningkat, pastu mengurus --- Persatuan Kraf Tangan Negeri Pahang. Jadi sekarang saya memegang jawatan sebagai Pengurusi Persatuan Kraf Tangan Negeri Pahanglah.

NS : **Tahniah puan. Okay --jadi Usahawan Kraf Wanita adalah anugerah yang terbesarlah yang pernah puan dapat sepanjang dalam bidang ni.**

PRMP : Haa. Untuk setakat ini itulah yang --- saya terima lah paling tinggi dan InShaa Allah saya ada dicalonkan untuk satu lagi anugerah, saya tak boleh beritahu lagi. Sebab saya tak dapat lagi, kalau dah dapat nanti InShaa Allah mungkin orang lain pulak *interview* [temubual] saya. (ketawa) Sebab untuk yang ni, ini *International* [antarabangsa] jadi persiapan saya agak teliti, jadi mereka

bagitahu lebih awal. Jadi, dari bulan lepas saya dah mempersiapkan diri. InShaa Allah, tolong doakan untuk saya. Ada rezeki ----

NS : **Inshaa Allah, Aamiin.**

## **TAMAT BAHAGIAN 5**

### **BAHAGIAN 6 : WARISAN CRAFT WOOD**

NS : **K (okey). Seterusnya mengenai Warisan Craft Wood iaitu syarikat puan sendiri, dimanakah alamat perusahaan Warisan Craft Wood?**

PRMP : Alamat saya Bengkel Kraftangan, Kampung Darat Sanggang, Temerloh, Pahang. Kalau ke dari *highway* [jalan raya] Pantai Timur tu, turun *exit* [keluar] Temerloh, dalam 10 minit sampai ke tempat saya lah. Bengkel saya tu.

NS : **Jauh ke dari rumah? Dari rumah puan?**

PRMP : --Sebenarnya saya ada satu rumah yang dekat bengkel tu, tapi dalam hari-hari saya tengok bengkel. Jadi saya duduk di rumah, rumah yang sekarang saya ada ni, di tamanlah. Di kawasan perumahan, dekat dengan Taman Cengal. Lebih kurang dalam --10 minit dari rumah saya untuk sampai ke bengkellah. Saya akan jumpa dengan 3 *traffic light* [lampu trafik], itu yang membuatkan terlambat sikit perjalanan tu.

NS : **K (okey) mengenai pemilihan tempat tu, mengapa puan memilih untuk buat di Temerloh, Pahang. Adakah sebab-sebab tertentu?**

PRMP : Saya – bengkel saya berhampiran dengan pejabat Kraf Tangan Malaysia daerah Temerloh. Sekarang ni dipanggil Pusat Incubator Daerah Temerloh. Jadi, saya memilih – saya beli tanah, tapak bengkel saya sekarang ni memang tak jauh daripada Kraf Tangan tu. Sebab utama saya masa tu, bila saya buka bengkel

saya memandangkan kemungkinan besar ada sesetengah *machine* [mesin] yang saya takde (tiada) dengan saya, saya boleh pergi ke Kraf Tangan Temerloh untuk guna *machine* [mesin] yang terdapat di sanalah. Kraf Tangan dia lengkapkan dia punya peralatan dia. Ada sesetengah mesin tiada ditempat saya. Itu yang saya pilih tu. Waktu saya buat bengkel tu, saya rasa *highway* [jalan raya] belum ada lagi. *Highway* [jalan raya] Pantai Timur tidak ada dalam kepala saya lagi yang *exit* [keluar] Temerloh itu berhampiran dengan saya punya bengkel. Jadi, bila siap je *highway* [jalan raya] tiba-tiba *exit* [keluar] dia tak jauh --- daripada saya punya bengkel tu. Jadi, itulah adalah salah satu bonus untuk saya, jadi kalau ada orang yang nak datang, *landmark* [mercu tanda] saya memang Plaza Tol Temerloh. Tak jauh jadi Alhamdulillah, dekat je. ---

NS : **Ok (okey). Jadi tempat tu tempat yang strategik jugakla untuk dapat pelanggan?**

PRMP : Haa ya. Walaupun daripada jalan besar tu, daripada tol Temerloh tu nak ke bengkel saya dalam 5 minit, memang dalam kampong sikit tapi senang nak cari. Sebab dia turun je *exit* [keluar] Temerloh tu - nak pergi hala ke Jerantut tak jauh lepas masuk simpang bengkel saya. Agak strategikla.

NS : **Bilakah tarikh rasmi puan membuka perniagaan Warisan Craft Wood tu dan mengapa memilih untuk buat tarikh tersebut?**

PRMP : Saya tiada buat sebarang majlis perasmian tapi bila saya berpindah ke tapak bengkel saya sekarang ni adalah pada tahun 2006. Pada ketika tu, bengkel saya kecil je lah. Saya takde (tiada) buat majlis apa-apa sambutan, tapi tahun 2018 hujung tahun 2018 kalau tak silap saya 27 haribulan 11, Permaisuri Agong ada datang ke bengkel saya. Jadi saya anggap itulah [ketawa], itulah perasmian bengkel saya.

**NS : Merasmi (ketawa) dan Perasmi. Okey ni yang utama, mengapakah dinamakan Warisan Craft Wood?**

**PRMP :** Sebenarnya, pada awal penubuhan Warisan Craft Wood, kami ada cuba *figure* [cari] nama yang saya cadangkan dan saya kemukakan kepada pihak LHDN. Jadi, cumanya yang lain tu dia takde (tiada) maknanya dah ada orang guna nama tu, jadi nama ‘Warisan’ ni tujuan dia sebenarnya saya nak wariskan kepada anak cucu sayalah. Generasi sayalah selepas saya tiada nanti. Saya nak mereka kekalkan warisan seni budaya negara kita. Saya tak nak benda ni tertinggal. Saya nak golongan generasi akan datang, anak-anak muda tahu yang kraf ni, industri kraf ni adalah salah satu bidang ataupun sumber pendapatan yang berdasarkan seni yang boleh dijadikan sumber pendapatan untuk saya cari makan lahir bukannya sebagai seni yang --- seni sahaja tetapi dia boleh mendatangkan komisen. Dia boleh mendatangkan duitlah.

**NS : Mengenai pembinaan awal Warisan Craft Wood tu sendiri, bengkel tu. Adakah ianya dari idea puan sendiri?**

**PRMP :** Memang dari idea saya sendiri dengan suami saya, arwah suami saya. Kami buat kecil je. Pastu, ada duit tambah, ada duit tambah. Pastu Kraf Tangan tu ada bagi bantuan daripada segi prasarana untuk tambah sikit-sikit bengkellah.

**NS : Mengenai struktur pembinaan bengkel tersebut?**

**PRMP :** Kita buat stail ada duit, buat. Ada duit, buat. Jadi maknanya tak cantik lah ada penyambungan disana, penyambungan disini, depan, belakang. Jadi memang tak cantik. Bukan bentuk bangunan kilang, jadi agak besar jadi bersambung-sambunglah. Jadi biasa sahaja.

**NS : Jadi kalau puan masih ingat mengenai modal yang dikeluarkan untuk meng --- membuka bengkel tersebut hingga siap?**

PRMP : Mula-mula saya memulakan perniagaan tu, sebenarnya saya berbekalkan ilmu ataupun kemahiran yang saya ada. Waktu tu tahun 2001, saya memulakan perniagaan saya dengan bermodalkan 1500 sahaja. Tapi waktu tu saya dah ada tempahan. Saya ada buat kontrak dengan satu *company* [syarikat] yang agak besar untuk membekalkan cabinet untuk sekolah-sekolah di negeri Pahang waktu tu.

NS : **Apakah inisiatif yang dilakukan oleh puan sendiri ataupun Warisan Craft Wood untuk menaikkan nama bengkel tersebut pada awalnya?**

PRMP : Saya --- saya sebenarnya suka buat tempahan ataupun produk saya yang memuaskan hati pelanggan. Sebab bila pelanggan suka, bila pelanggan puas hati dia akan bercerita kepada orang lain. Jadinya perniagaan saya tu dari awalnya dari mulut ke mulut. Mesti dia bercerita "Haa okey. Kalau awak nak buat tempahan buat dengan dia. Dia buat kerja cantik, kemas, harga berpatutan". Itu yang saya gunakan hingga ke hari ini. Dengan yang penting pelanggan berpuas hati.

NS : **Betul. Adakah puan menguruskan sendiri perniagaan ini sejak awal pembukaan?**

PRMP : Ya, saya uruskan sendiri. Saya dan arwah suami memang uruskan sendiri. Hinggalah ke akaun pun saya uruskan sendiri sehingga pada tahun 2020 ni, baru saya mula beransur-ansur melepaskan akaun saya kepada anak lelaki saya. Saya tak-saya masih pegang lagi tapi banyak sangat urusannya jadi dia yang uruskan. Saya dah ajar dia, agak ringan sikitlah tugas itu.

NS : **Jadi, anak lelaki puan sudah mewarisi lah.**

PRMP : Ha, perlahan-lahan. Untuk saya lepaskan betul-betul tak boleh lagi lah. Saya masih memantau dan memerhati dibawah jagaan saya.

**NS : Apakah kemudahan awal yang disediakan pada permulaan?**

**PRMP : Maksudnya?**

**NS : Kemudahan awal seperti peralatan, bengkel?**

**PRMP :** Saya sebenarnya diawal perniagaan saya, sewa bangunan di Kraf Tangan. Bila saya dah lebih kurang 6 tahun didalam Kraf Tangan, baru saya berpindah ke bengkel yang sekaranglah. Diawal perniagaan saya, memang saya banyak menggunakan peralatan didalam premis kerajaan iaitu premis Kraf Tangan Malaysia. Jadi waktu tu, saya hanya beli *machine-machine portable* [mesin-mesin mudah alih]. Jadi digunakan untuk ringan-ringan punya lah. Mesin besar tu bila saya pindah ke bangunan saya pada tahun 2006, baru saya beli yang saya punya sendiri.

**NS : Jadi langkah-langkah atau pelan utama puan?**

**PRMP : Maksud?**

**NS : Untuk awal pembukaan tu.**

**PRMP :** Itulah, macam saya cakap tadi, sebab diawal perniagaan saya, saya mengurus didalam bangunan Kraf Tangan, bangunan kerajaan. Jadi, permulaan tu tak begitu beratla untuk saya sebab kami disediakan *machine* [mesin] yang lengkap cuma kami bayar sewa sahaja. Tapi saya dah duduk situ 6 tahun, saya dah cukup modal. Jadi, bila saya keluar daripada Kraf Tangan, saya pindah ke tempat saya, saya terus beli mesin. Sebab saya dah ada modal saya. Jadi perjalanan perniagaan saya tu, diawalnya tak terlalu susahlah. Tak terlalu sukar. Sebab saya menumpang di bengkel kraftangan. Jadi, masalah awal tu tak berat sangatlah sebab saya dah ada duit saya kumpul, saya beli pastu baru saya pindah.

**NS : Mengenai cara-cara mempromosikan produk. Pada awal pembukaan tu, *plan* [perancangan] puan - bercerita tulah? Ada *plan* [perancangan] lain?**

PRMP : Ada. Saya akan mengikuti program-program yang dianjurkan Kraf Tangan Malaysia, Timber Board Malaysia [ MTIB], Pejabat MARA, Pejabat Pertanian, tidak kisahlah apa pun jabatan kerajaan atau agensi- agensi kerajaan pada ketika itu, yang menganjurkan pameran ataupun jualan saya akan *join* [sertai]. Maknanya, saya ambil peluang. Selagi benda itu saya boleh atur, saya akan pergilah. Dari situlah orang mula mengenali diri saya. Di samping --- sebab kita tiada pelanggan kalau kita duduk je [sahaja] tempat kita, kita tidak keluar ---. Jadi kita ambil sahaja peluang yang ada kalau ---. Tapi kami sangat bernasib baik waktu tu. Sebabnya 20 tahun yang lalu, kalau kita nak pergi mana-mana *exhibition* [pameran] – kami tidak perlu bayar. Kami hanya pergi sahaja. Pergi bawa barang, mereka sediakan tempat, tempat tinggal, kadang-kadang duit poket untuk makan pun mereka bagi. Agensi kerajaan itu bagi. Jadi, sangat bernasib baik masa itu. Saya tidak begitu susah untuk mencari pelanggan. Cuma saya perlu sediakan produk yang cantik, yang menarik untuk orang beli, itu sahaja.

**NS : Peluang yang sangat-sangat besar.**

PRMP : Sekarang kalau pergi pameran semua kena bayar. Pergi pameran contohnya di – sesuatu tapak yang tiga kali tiga, tiga meter kali tiga meter, dah seribu lebih. Untuk jumlah saya untuk keseluruhan. Modalnya tinggi, jadi maknanya saya bernasib baik untuk saya mulakan perniagaan itu awal jadi waktu tu kerajaan masih banyak duit, dia boleh bagi lagi bantuan semua itu. Sekarang dah takde [tiada], *no* [tiada] bantuan dah. Sendiri-sendiri sahaja. Bergerak ---

**NS : Jadi puan tiada keluarkan modal untuk – untuk mendapatkan ilmu tulah?**

PRMP : Dulu lah, dulu. Sekarang ni dah renyah [rumit]. Sebab itu saya kata – untuk cari pelanggan kita tidak boleh duduk setempat walaupun sekarang ini saya dah lama

dalam industri ini, - tapi saya perlu juga nak dapatkan pelanggan baru disamping perlu – mencari pelanggan baru sebab sekarang saya tidak pergi ikut pameran semua, orang tak kenal saya. Orang lama memanglah kenal, orang baru itu ---

#### **BAHAGIAN 6 (I): TENAGA KERJA DI WARISAN CRAFT WOOD**

NS : Okay, mengenai tenaga kerja di Warisan Craft Wood. Setakat hari ini, berapakah bilangan pekerja yang puan ada?

PRMP : Saya ada 5 orang.

NS : Oh, tak banyak?

PRMP : Tak banyak. Termasuk saya akan cari bekas bekas pekerja saya yang lama untuk bagi diorang. Siap agihkan lah, kerja-kerja itu. Saya hantar ke rumah mereka, ke tempat mereka. Jadi diorang tak perlu datang ke tempat saya, saya hantar. Saya akan siap-siap.

NS : Jadi, sejak awal pembinaan, pembukaan, puan ada 5 orang?

PRMP : Ha, ada lima. Saya pernah ramai pekerja. Tapi sekarang ini saya ada lima je. Saya pernah ada dua belas orang pekerja, lima belas orang pekerja. Tapi diorang pun ada peluang masing-masing kan. Ada dapat kerja dia berhenti. Jadi, saya bagi je [sahaja] peluang kat diorang. Yang mana masih nak bekerja dengan saya, teruslah bekerja dengan saya. Ada yang ada peluang lain, nak kerja kat tempat lain, kerja la kat tempat lain. Saya tak pernah halang la pekerja-pekerja

NS : Jadi, adakah pekerja-pekerja yang puan ada itu memiliki kemahiran mengenai kraftangan juga?

PRMP : Ya. Ada yang setengahnya memang mereka daripada bekas pelajar Institut Kraf Negara.

NS : Memang puan ambil dari bidang tersebut la ya?

PRMP : Ya. Bidang ukiran kayu, bidang kraf kayu.

NS : Adakah puan meletakkan syarat atau kriteria untuk menjadi pekerja?

PRMP : Untuk bekerja dengan saya, syaratnya sangat simple, mesti rajin, mesti rajin dan mahu, minat. Yang lain itu saya boleh ajar. Saya perlukan orang yang rajin, dan yang nak. Yang berminat.

NS : **Jadi, untuk pekerja baru, puan akan adakan bengkel untuk teruskan?**

PRMP : Saya akan bagi mereka *training* [latihan] bekerja dengan saya sebulan. Selepas sebulan, baru saya nilai nak letak dia di bahagian mana, dan berapakah gaji yang setimpal dengan yang dia yang sesuai untuk dia.

NS **Bagaimana pula untuk mengasah bakat contohnya bakat mereka masih terpendam.**

PRMP : Oh biasanya, saya bagikan mereka kerja, mereka buatlah. Saya boleh nilailah. Saya boleh tengoklah sama ada dia boleh mengukir ataupun tak, dia boleh memotong kayu ataupun tidak, dia boleh mesin kayu ataupun tidak. Disitu kita boleh tengok. Sebabtu saya ambik masa sebulan untuk lihat prestasi dia. Kadang-kadang dia kata saya pandai itu saya pandai ini, masa *interview* [temubual] kan, tapi bila dalam sebulan itu kita dapat saya dapat nilai lah sama ada dia betul atau tak ataupun tak.

NS : **Jadi, adakah kesemua pekerja puan mengetahui tentang kesemua selok belok Warisan Craft Wood? Mengenai produk dan syarikat.**

PRMP : Buat setakat ini, yang lama tahu la. Kalau yang baru itu, dia kena belajar lah.

NS : **Okay, berapakah tempoh waktu bekerja bagi pekerja-pekerja puan dalam Warisan Craft Wood ?**

PRMP : Dia, *office hour* [waktu bekerja] pukul lapan sampai pukul lima.

NS : **Oh, tiada OT ya, *overtime* [lebih masa]?**

PRMP : Ada, kalau kerja banyak kena *overtime* [lebih masa], kalau ada kena kerja *outstation* [luar kawasan], kena *outstation* [luar kawasan]. Itu arahan saya daripada masa ke semasa lah. Bergantung kepada projek yang sedang kita jalani.

**TAMAT BAHAGIAN 6(I)**

## **BAHAGIAN 6(II): PRODUK PERNIAGAAN WARISAN CRAFT WOOD**

**NS : Okay kita sambung mengenai produk perniagaan di Warisan Craft Wood**  
**. Mengenai produk, apakah jenis-jenis kayu yang digunakan untuk membuat produk kraftangan di Warisan Craft Wood ?**

**PRMP : Okay, antara kayu-kayu yang saya gunakan ialah kayu cengal, merbau, pastu jelutung, meranti, kayu pine pun ada, bergantung kepada tempahan dari *customer* [pelanggan].**

**NS : Jenis kayu merupakan permintaan pelanggan juga la?**

**PRMP : Ya. Biasanya produk yang ditempah itu akan ada kayu yang sesuai dengan produk yang ditempah. Contohnya, dia nak tempah cenderahati. Boleh guna kayu jelutung, kalau dia nak buat rumah, chalet ke, buat gazebo ke, itu kita kena guna cengal, ataupun balau, ataupun resab. Tempahan mengikut produk dan kayu yang bersesuaian.**

**NS : Okay adakah puan mengetahui selok-belok tentang kayu-kayu ini melalui kursus atau bengkel yang puan pernah masuk atau sertai?**

**PRMP : Pernah ikuti kursus-kursus pengecaman kayu, jenis-jenis kayu yang telah dianjurkan oleh Jabatan Hutan, Kraftangan Malaysia sendiri, dengan Malaysia lah.**

**NS : Okay mengenai pandangan pendapat puan sendiri, adakah pemilihan kayu-kayu ini penting untuk menghasilkan produk yang bermutu?**

**PRMP : Pemilihan kayu amat penting untuk membuat sesuatu produk. Jadi kalau produk itu hendak diletak di luar ataupun *outdoor* [luar], kita kena gunakan kayu yang sesuai untuk produk tersebut. Jadi dia ada dari segi ketahanan, daripada produk itu lah. Kalau kita gunakan kayu yang tak sesuai, dengan produk itu, itu akan membuatkan produk itu tak tahan apa semua, itu pentingnya pemilihan pemilihan kayu untuk sesuatu produk.**

NS : Okay mengikut kajian umum yang kami telah lakukan, terdapat perbezaan dalam dari segi penggunaan kayu untuk dalaman dan luaran untuk menghasilkan sesuatu produk tu. Boleh puan ceritakan sedikit mengenai tersebut?

PRMP : Biasanya kalau produk yang di dalam untuk di *indoor* [dalaman], *indoor* [dalaman] sebagai hiasan, kita boleh guna kategori kayu-kayu yang lembut lah. Yang tak tahan lasak tapi kalau untuk produk diluar, *outdoor* [luar] untuk kegunaan produk guna untuk taman, untuk laman, kita kena guna kayu yang keras lah, kayu yang besesuaian seperti cengal, balau, resab, kempas. Ha itu sesuai untuk di luar. Untuk kena sinaran cahaya matahari yang terik.

NS : Oh, cahaya matahari menjadi faktor utama?

PRMP : Bukan menjadi faktor kepada kayu.

NS : Okay, jadi faktor jenis kayu juga mempengaruhi harga penjualan produk tersebut, bagaimana puan dapat huraikan?

PRMP : Betullah, memang biasanya kalau kayu yang tahan haba, tahan hujan, panas, yang digunakan untuk di luar, kayu itu agak mahal, jadi harga produk yang untuk dijual itu agak mahal lah, berbanding dengan produk kegunaan di dalam rumah. Sebab dia, bila kayu itu tahan, dia mahal lah harga dia. Susah nak dapat sikit lah.

NS : Okay, jadi dimanakah tempat puan mendapatkan kayu-kayu, bekalan kayu-kayu tersebut?

PRMP : Macam saya di negeri Pahang, kami, saya takda [tidak ada] masalah sangat sebab kawasan bengkel saya tempat saya menjalankan perniagaan itu tak jauh daripada *sawmill-sawmill* [kilang papan] ataupun pembekal-pembekal kayu, syarikat pembalakan kayu, di sekitar daerah Temerloh. Jadi, untuk mendapatkan

bekalan kayu, untuk setakat ini saya takda [tidak ada] masalah lagi lah. Cuma, kalau takda [tidak ada] duit, masalah lah, kalau ada duit, takda [tiada] masalah, senang je.

NS           **Jadi, puan mendapatkan kayu-kayu itu dari pembekal yang sama dari sejak awal pembukaan sampai sekarang?**

PRMP : Saya akan cari pembekal yang boleh membekalkan kayu dengan harga yang berpatutan kepada saya. Saya tak tumpu kepada siapa pembekal. Setakat ini saya ada lebih daripada dua puluh orang pembekal. Jadi, kadang-kadang pembekal kita tak boleh *supply* [bekalkan] apa yang kita nak. Jadi, kita kena ambil dengan orang lain. Kadang-kadang saya mintak saiz, contoh lah saya mintak saiz sepuluh kali sepuluh dia takdek [tiada], saya pergi dekat pembekal lain. Jadi, itu perlunya kita ramai pembekal. Jadi kita akan dapat harga yang berbeza dan saiz kayu yang berbeza. Tak boleh tunggu satu pembekal sebabnya kalau kita ada projek kecil, kalau dia tak boleh bekalkan-- akan jadi masalah kepada saya lah dan pelanggan. Jadi, saya taknak bekalan saya terputus jadi saya akan ada ramai pembekal untuk *supply* [membekalkan] bekalan kayu.

NS           **: Okay, jadi dimanakah puan mendapatkan maklumat tentang pembekal-pembekal tersebut? Adakah dari kenalan puan sendiri?**

PRMP : Di awal dulu, dari kenalan. Tapi sekarang ini saya dah tak perlu cari, mereka yang datang jumpa saya bertanya sama ada saya nak kayu daripada diorang, saiz apa semua. Sekarang diorang cari saya. Sampai tadi pun ada sorang pembekal yang memang agak agresif, dia automatik dia nak saya bagi dia saiz kayu yang dia nak bekalkan untuk saya. Jadi, takde masalah sekarang ini. Memang pembekal ramai. Yang penting kita ada duit untuk bayar pekerja.

NS           **: Okay, mengenai ukiran kayu, terdapat dua motif berkaitan dengan ukiran**

**kayu iaitu motif tradisional dan motif moden. Boleh puan hanya kisah sedikit mengenai motif tersebut?**

PRMP : Okay. Saya agak beruntung, sebab di awal saya mengenali kraf, saya masih di dalam *group* [kumpulan]. Guru-guru yang mengajar saya masih ada, apa orang kata tradisional punya motif. Tapi sekarang ni, era baru anak-anak muda ini tenaga pengajar pun dah orang-orang baru, jadi diorang dah kontem [kontemporari] moden. Jadi, saya ada dapat dua lah maksudnya di samping saya mengekalkan nilai-nilai tradisional ukiran kayu, saya juga sedang dan dalam mempelajari kontem [kontemporari] moden punya ukir. InShaa Allah, sebab kita dah ada asas yang tradisional, kita boleh buat yang moden.

NS : **InShaa Allah. Jadi, adakah motif ini berkaitan dengan kayu ataupun produk yang telah siap dihasilkan?**

PRMP : Sebenarnya, produk *is* [ialah] barang, motif *is* [ialah] ukiran. Ukiran lah, *design* [reka bentuk] yang kita nak. Contoh saya nak buat kotak. Kotak *is* [ialah] barang produk, motif apa yang saya nak masukkan ke atas kotak tersebut. Itu yang dipanggil ukiran. Jadi, *customer* [pelanggan] nak tempah motif tradisional ataupun motif moden, itu satu. Jadi, barang tak berbeza. Contoh, *you* [awak] nak tempah tudung saji, tudung saji *is* [ialah] tudung saji, cuma motif yang kita nak terapkan di dalam tudung saji tersebut yang perlu kita olah sama ada tradisional ataupun moden, itu saja. *You* [awak] nak tempah kerusi, set kerusi panjang, sofa. Okay, *you* [awak] nak moden atau tradisional dia punya motif. Kerusi, sofa *is* [ialah] sofa *and* [dan] kerusi. Motif sahaja yang berbeza. Faham ya? You nak buat katil, contoh you nak buat katil untuk kahwin. Katil tetap katil, saiz katil tetap enam kali enam saiz katil. Cuma sekarang ni, motif bunga apa yang kita nak letakkan nak hiaskan diatas kayu katil itu tadi, itu sahaja. Bezanya moden

ataupun tradisional.

**NS : Jadi, pelanggan akan sedia maklum mengenai dua motif yang ditempah?**

PRMP : Ya, kecuali pelanggan cakap "saya nak katil tapi bentuk kerusi". Itu daripada segi teknikal, itu teknikal yang saya kena cipta macam mana nak buat katil yang boleh lipat contohnya lipat-lipat, boleh jadi kerusi. Ha itu yang dinamakan teknikal, itu *design* [reka bentuk] pulak. Tapi yang Nurul tanya saya tadi, motif. Sekarang ada motif dua, moden dengan tradisional. Jadi kalau you nak buat kerusi, kerusi tetap kerusi cuma bezanya motif yang akan diterapkan di atas kerusi tersebut. Faham eh?

**NS : Faham faham. Jadi, apakah peralatan yang digunakan di Warisan Craft Wood untuk menyediakan produk-produk, untuk menghasilkan produk-produk tersebut?**

PRMP : Peralatan dia banyak, jadi semua jenis peralatan yang digunakan untuk tukang, untuk orang pengukir contohnya kalau ada pisau wali, pahat ukir yang lengkap *machine* [mesin] potong, *machine* [mesin] potong bunga, itu lah semua kena ada lah peralatan tu. Saya nak terangkan disini sebab awak tak nampak *machine* [mesin] itu sebabtu biasanya sesi *interview* [temubual] ini mereka akan datang ke bengkel saya dan *interview* [temubual] saya dan pekerja saya dan mereka lihat apa yang kami buat sebenarnya. Baru *real* [nyata] you nampak. Okay you nampak, contoh saya sebut *machine cursaw* [mesin gergaji], you nampak apa fungsi mesin tu. Pisau wali, you nampak apa fungsi yang saya gunakan untuk bila saya guna pisau wali. Pahat, apa benda pahat. Cakap macam ini hanya bercakap sahaja kadang-kadang orang tak faham apa benda, tak tahu. Jadi saya harap kamu berdua tahu apa yang saya cakap dan faham. Boleh jumpa balik.

**NS : InShaa Allah kami akan sampai.**

PRMP : Anis boleh datang kan dekat dengan saya?

NS : **Haah (ya), tapi dia susah dari segi kenderaan.**

AS : **Nanti kalau ada rezeki, bolehla.**

PRMP : Kalau ada rezeki, ajak kawan ajak *boyfriend* [teman lelaki] ke, ajak *parents* [ibu bapa] ke datang.

AS : **Bolehla ajak *parents* [ibu bapa], tengok dulu**

PRMP : Lagi *real* [nyata], lagi boleh nampak apakah peralatan yang saya gunakan di tempat, saya sebab kadang-kadang kita tak boleh nak bayangkan kalau sebabnya awak dalam sesi pembelajaran lagi ada benda yang tak nampak lagi, tak faham. Ada masa *free* [lapang] boleh datang inShaa Allah, *call* [telefon] je saya, saya ada. Kita janji la, kadang-kadang saya pun kerja luar, tapi kalau dah janji saya tunggu lah. Okay jelas, boleh faham?

NS : **Okay boleh boleh. Okay, mengenai peralatan itu tadi, adakah modal untuk mendapatkan peralatan tersebut dari Warisan Craft Wood sendiri atau puan ada mana-mana sumbangan yang puan dapat?**

PRMP : Untuk setakat ni, peralatan semua saya beli sendiri tapi ada juga yang diberi oleh Kraftangan Malaysia la. Tapi tak banyak la dia bagi cuma peralatan tambahan je dia bagi jadi yang utamanya itu semua saya beli sendiri lah.

NS : **Jadi boleh puan terangkan serba sedikit mengenai cara-cara atau proses pembuatan ukiran kayu dengan menggunakan peralatan-peralatan tersebut?**

PRMP : Okay, contohnya saya nak menyiapkan sekeping panel ukiran. Panel tersebut saya perlu potong kayu, bersihkan kayu tersebut, dan saya akan cantum kayu tersebut mengikut saiz panel yang kita kehendaki. Bila dah jadi sekeping kayu, saya akan *design* [reka bentuk] dulu di atas kayu tersebut, kemudian saya akan

potong bentuk ukiran itu menggunakan *machine cursaw* [mesin gergaji], lepastu baru saya pahat dan ukir menggunakan tangan saya sendiri.

**NS : Jadi, kedua-duanya digunakan secara manual dan mesin?**

**PRMP : Ha, kita akan guna manual, semi automatik, automatik takdekk [tiada] *machine* [mesin] automatik takdekk [tiada]. Kita ada mesin semi auto dan penggunaan tangan lah.**

**NS : Okay seperti yang sedia maklum, untuk menjadi pengukir, untuk melibatkan diri dalam bidang ini perlu ada komitmen yang tinggi. Jadi, apakah prinsip atau perkara yang puan tekankan untuk menjadi seorang pengukir?**

**PRMP : Diawal sembang saya dengan anis tadi, saya punya prinsip kalau orang lain boleh buat saya mesti boleh buat, kalau orang lain boleh berjaya saya mesti boleh lebih berjaya. InShaa Allah.**

**NS : InShaa Allah. Okay produk kraftangan kayu ini mempunyai penggemar yang tersendiri. Jadi menurut puan, kebiasaan kan pelanggan dari negeri manakah yang seringkali membuat penempahan dari syarikat puan? Adakah dari negeri Pahang sahaja?**

**PRMP : Sebenarnya, penempah ini lebih ramai dan lebih banyak dari sekitar Kuala Lumpur, sebabnya terdapatnya golongan orang-orang yang sangat kaya dan banyak duit mereka-mereka inilah yang sebenarnya pencinta kraf ukiran kayu sebab mereka minat dan mereka ada duit. Itu saja. Kalau minat tak ada duit pun tak boleh, tapi sebab mereka minat dan mereka banyak duit, jadi mereka tempah dan *customer* [pelanggan] saya pelanggan saya boleh dikatakan hampir kesemuanya adalah golongan orang VVIP. Jadi bagi saya untuk berusah dengan mereka, sebab mereka tak banyak kerentah asalkan benda itu cantik dan puas hati**

mereka jadi, mereka akan terus menempah dari kita. Itu saja.

NS : **Jadi, melalui pelanggan atau penempah-penempah tersebut, adakah puan mempunyai pelanggan yang tetap dan bagaimana Warisan Craft Wood membentuk kepercayaan mereka supaya mereka percaya dengan syarikat dan produk Warisan Craft Wood?**

PRMP : Memang saya ada dalam empat ataupun lima orang VIP punya mereka memang suka hasil kerja saya dan hasil kerja arwah suami saya walaupun arwah dah takda lebih kurang setahun lebih sikit, tapi mereka masih mencari saya dan mahu hasil kerja saya lagi. Sehingga baru-baru ini seorang VIP ada tempah barang dengan saya dan dia terus *direct* [langsung] cakap dengan saya “saya tetap nak hasil air tangan kak Ani so [jadi], kak Ani jangan bagi orang lain kak Ani terus buat untuk saya”. Jadi tak ada masalah untuk teruskan cuma saya yang kena buat saya yang kena terus berusaha untuk mengekalkan kualiti produk saya.

NS : **Jadi, apakah keistimewaan produk di Warisan Craft Wood berbanding dengan syarikat-syarikat lain, syarikat kraftangan lain?**

PRMP : Mungkin saya dah ada nama dan identiti saya sendiri. Produk kami hasil kerja saya agak menarik walaupun bukan yang terbaik tapi diantara yang terbaik dan saya memang mengekalkan sifat jujur dengan pelanggan, tak terlalu mahal lah harganya agak berpatutan dan saya sering berbincang dengan mereka kalau ada yang tak puas hati boleh terus bincang. Maksudnya, kadang-kadang pun saya pun ada kesilapan kami selalu sama-sama bincang biar benda itu saya taknak pelanggan saya *is* [ialah] pelanggan, saya nak pelanggan saya itu akan jadi sahabat saya selepas mereka berurusan dengan saya. Jadi untuk setakat ni, kali pertama memang mereka pelanggan dan seterusnya mereka adalah sahabat dan

kawan-kawan saya. Itu yang saya cuba terapkan ataupun eratkan.

**NS : Okay mengenai penambahbaikan produk supaya terus mendapat sambutan, apakah kelainan yang dilakukan oleh Warisan Craft Wood?**

**PRMP :** Setiap pelanggan, setiap individu yang menempah itu saya akan buatkan *design* [reka bentuk] dan corak yang berbeza. Maksudnya kalau corak ini corak sultan Kelantan saya takkan buat corak sultan Kelantan untuk corak sultan Selangor. Contoh lah saya akan buat corak *design* [reka bentuk] yang berbeza. Jadi, macam sultanah Terengganu dia memang siap cakap, “design saya jangan buat untuk orang lain ya” dia dah bagitahu, senang. Jadi memang saya akan buat setiap individu VIP saya itu saya akan buat kelainan lah mengikut citarasa mereka. Mungkin kalau negeri Pahang, dia nakkekalkan bunga kopi contoh lah motif negeri Pahang bunga kopi lepastu saya buat bunga kopi lah. Kalau Johor, mereka lebih kepada bunga lada hitam, yang itu saya letak bunga lada hitam lah, berbeza motif

**NS : Apakah produk utama yang dihasilkan oleh Warisan Craft Wood, boleh puas ceritakan sedikit?**

**PRMP :** Okay, sekitar tahun 2017, lapan belan, sembilan belas, dan 2020 ini produk saya ialah saya buat rumah chalet. Memandangkan suami saya dah takda, tenaga kerja saya untuk buat chalet itu agak *lost* [hilang] sikit saya macam buatkan saya dah kurang saya dah *slowdown* [perlahangkan] sikitlah untuk buat rumah tapi saya masihkekalkan produk saya iaitu panel ukiran dan kotak cenderahati. Jadi saya serius dengan produk-produk yang agak kecil yang tak guna tenaga yang terlalu ramai. Sebab waktu arwah ada, saya buat produk yang besar sebab masatu saya ramai pekerja tapi sejak arwah dah takda [tiada], ada sesetengah pekerja saya dia *lost* [hilang] dia hilang arah dia berhenti sebab arwah takda

[tiada] sebab diorang rapat dengan arwah kan. Jadi itu yang membuatkan saya *slowdown* [perlakukan] untuk buat chalet. Tapi jika ada tempahan, saya masih buat lah tapi dalam kuantiti yang tak banyak.

**NS : Apakah tindakan yang dilakukan oleh Warisan Craft Wood sekiranya produk yang dihasilkan itu tidak mendapat sambutan?**

PRMP : Memang kadang-kadang ada produk saya yang macam tak dapat sambutan. Tapi kita kena ingat sebab produk saya bukan produk yang basi ataupun buruk. So [jadi] kalau produk itu macam *slow* [perlahan] takda orang nak beli, saya *store* [simpan] kan dulu, saya *store* [simpan] kan dalam setahun dua tahun lepastu saya jual balik. Saya bawak balik ke pameran saya *polish* [gilap] balik, saya *finishing* [selesaikan] balik lah, kita jual balik InShaa Allah. Kadang-kadang benda ini setengah orang tak nampak masa ini kan tapi dua tiga tahun nanti dia akan nampak pulak barang itu. Kena *store* [simpan] kan dulu maknanya kena bersabarlah. Memang ada setengah produk saya bila saya bawak jualan, orang tak beli, orang beli satu dua macam itu je kan, jadi takpe [tidak mengapa] kita *store* [simpan] kan dulu kita simpan so [jadi] nanti kita bawak balik kita jual. Adat meniaga lah.

**NS : Jadi adakah ia berkaitan juga dengan kerosakan kayu atau ukiran pada produk tersebut?**

PRMP : Buat masa ini kalau dia rosak pun daripada segi *finishing* [penamat] macam cat dia terkopeng apa semua jadi itu kita boleh *repair* [baiki] balik lah kita boleh baiki semula. Tak ada masalah.

**NS : Bagaimana puan memastikan kayu tersebut tahan lama dan tidak diganggu oleh serangga perosak?**

PRMP : Kebanyakkannya kayu yang saya gunakan memang tidak dimakan perosak.

Contohnya cengal, balau, merbau, resab, lepastu memang anai-anai taknak, tak larat nak gigit memang takda masalah. Kalau kayu-kayu itu takda [tiada] masalah untuk ada gigitan. Itu pun bila kami dah masukkan bahan *finishing* [penamat] pada kayu tersebut, dia dah tahan dia takda serangga yang akan kacau. Sebabtu kalau yang jenis meranti, celusong, itu spesis kayu lembut kan. Saya akan masukkan ubat dahulu pada kayu tersebut sebelum saya guna. Bila kayu sampai ke bengkel saya, saya akan rawat dulu kayu-kayu tu, rawat elok-elok masuk ubat apa semua ha baru kita guna. Sebabtu serangga ataupun perosak seperti gegat apa semua tak ada lah sebab awal awal lagi kita dah masukkan bahan tahan dia untuk serangga tak gigit.

**NS : Adakah ubat itu juga untuk kayu itu tahan lama?**

PRMP : Dia biasanya kayu ubat itu digunakan untuk spesis kayu yang lembut. Kalau kayu yang saya sebut kayu yang tahan lama tadi tak perlu taruh [letak] ubat, tak perlu dimasukkan ubat. Tapi ini kayu betong, kayu meranti spesis kayu lembut yang kita gunakan untuk ukiran untuk hiasan. Untuk cenderahati haa [ya] itu saya kena masukkan ubat.

**NS : Semasa proses pembuatan produk atau ukiran, adakah terdapat gangguan seperti kecederaan pekerja, kerosakan mesin, atau sebagainya?**

PRMP : Biasanya kita akan ada masalah kerosakan *machine* [mesin] kadang-kadang la sebabtu perlunya *machine* [mesin] diservis mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kalau tak servis, itu yang tiba-tiba kita tengah *running* [menjalankan] projek tiba-tiba rosak. Tapi sebab saya duduk bengkel saya berhampiran dengan Kraftangan Malaysia, jadi kalau machine saya rosak saya boleh pergi guna machine di Kraftangan lah.

**NS : Jadi, berapa lamakah masa yang diambil untuk menghasilkan sesuatu**

**produk tersebut?**

PRMP : Dia bergantung kepada produk yang kita buat. Bergantung kepada produk dan kuantiti produk yang ditempah. Pastu kita ada target kalau pelanggan nak dalam masa sebulan, *so* [jadi] kita siapkanlah dalam masa sebulan, itu sahaja.

NS : **Apakah yang dilakukan dengan lebihan-lebihan kayu hasil daripada sisa dari penghasilan produk tersebut?**

PRMP : Kebiasaannya sisa-sisa kayu itu kalau dia masih boleh saya gunakan, kami akan simpan dahulu *store* [simpan] kan dalam satu tempat lepatu bila ada masa yang sesuai baru kami akan buat semula lah. Kami akan jadikan produk-produk yang kecil-kecil untuk jualan *sourvenir* [cenderahati] kecil-kecil. Jadi, lebihan kayu itu biasanya saya tak buang saya simpan dulu sebab nanti kita tengok kalau ada tempahan ataupun produk yang kita nak buat yang boleh bersesuaian dengan kayu tersebut, kita akan guna balik. Jadi kami tidak akan bakar ataupun buang sewenang-wenangnya kecuali habuk kayu saya memang buang lah itupun ada sesetengah habuk kayu yang memang nak dibeli, ada orang datang beli habuk kayu nak letak dekat ayam lah macam-macam lah kan, itupun masih boleh diguna.

NS : **Adakah produk-produk tersebut dipamerkan dalam program-program tertentu dan adakah ianya dipilih?**

PRMP : Betul. Kadang-kadang produk-produk saya dipilih untuk masuk pameran ke mana-mana lah tempat-tempat yang tertentu contohnya pernah dipamerkan di Harrods, London, pernah dipamerkan di tempat *exhibition* [pameran] di *Singapore* [Singapura], banyak lah produk saya banyak dibawa walaupun tuannya tak pergi takpa, produknya pergi (ketawa).

NS : **Puan tak pernah pergi?**

PRMP : Saya pernah pergi *oversea* [luar negara] tapi adalah negara yang saya tak pernah pergi.

NS : **Jadi, selain produk yang sedia ada, adakah pelanggan boleh menetapkan contohnya kayu yang mereka nak.**

PRMP : Biasanya kalau produk sedia ada, kalau mereka nak beli mereka beli terus. Kalau mereka nak tempah lain, dia kena tunggu. Tapi biasanya pelanggan ini, bila dia tengok benda itu dah ada, dia akan beli terus.

NS : **Mengenai harga, adakah ianya ditetapkan adakah bersarkan corak ukiran ataupun saiz?**

PRMP : Harga bergantung kepada jenis kayu, saiz, dan corak yang ada pada produk tersebut.

NS : **Mengenai pameran di luar negara adakah puau pernah mendapat sambutan ataupun tempahan dari luar negara?**

PRMP : Ada, saya pernah dapat pergi pameran di *Singapore* [Singapura] dan mendapat banyak tempahan sewaktu di *Singapore* [Singapura].

NS : **Jadi, adakah Warisan Craft Wood menyediakan perkhidmatan penghantaran produk sama ada di dalam negara atau luar negara?**

PRMP : Ada yang saya hantar macam contohnya ke Singapore saya hantar, tapi sekitar tahun 2016 saya dapat tempahan di Brunei saya cuma hanya menyiapkan tempahan, untuk *shipping* [penghantaran] dia uruskan sendiri untuk bawa ke Brunei. Saya Cuma siapkan sebab saya beritahu mereka yang saya tak berapa mahir bab-bab *shipping* [penghantaran] jadi saya taknak ambil risiko jadi saya hanya siapkan produk je lah yang lain itu diorang buat *shipping* [penghantaran].

## TAMAT BAHAGIAN 6(II)

### **BAHAGIAN 6 (III): CABARAN**

**NS : Mengenai cabaran pula, bagaimana puan menyeimbangkan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat dalam perniagaan?**

PRMP : Ermمم (berfikir) saya rasa sebagai seorang muslim, sebagai seorang isteri, ibu, dan ketua kepada organisasi saya, perniagaan saya, saya rasa saya tak ada masalah saya boleh buat dalam masa yang sama seiring. Jadi saya boleh bahagikan masa. InShaa Allah selagi termampu saya cuba buat yang terbaik untuk diri saya, anak-anak saya, untuk jiran tetangga saya, untuk masyarakat.

**NS : Menurut puan, adakah sifat kepimpinan itu sangat penting dalam menjadi seorang usahawan untuk mengendalikan syarikat?**

PRMP : Betul, kita kena berani, kena sabar, sentiasa bersyukur dan kena redha dengan apa yang Allah dah tentukan dan aturkan untuk kita. Memang saya dalam keadaan sangat sedih lagi sekarang ini sebab suami saya pergi dengan tiba-tiba sebenarnya tak sakit sangat tiba-tiba dia meninggal. Jadi dugaan itu Allah akan uji untuk orang yang boleh terima ujian dia sebenarnya. Memang nampak di mata saya kuat tapi sebenarnya saya tak sekuat mana pun tapi InShaa Allah saya cuba untuk kuat sebab saya ada tanggungjawab dengan anak-anak saya, untuk pekerja saya, keluarga saya, adik-beradik saya dan mak saya. Jadi saya cuba buat yang terbaik dan saya cuba InShaa Allah dan saya akan terus kuat. InShaa Allah.

**NS : InShaa Allah. Okay, menurut puan apakah jenis persaingan yang dihadapi**

**oleh Warisan Craft Wood dengan industri kraf yang lain?**

PRMP : Saingan saya ialah sebenarnya kami industri kayu di Temerloh ini kami ramai sebenarnya yang usahawannya, cuma bezanya usahawan wanita cuma saya sorang. Maksud saya, industri ukiran ini banyak dimonopoli oleh kaum lelaki tapi dalam masa yang sama saya bergerak seiring dengan mereka jadi mungkin ancaman bagi mereka ialah sebab saya perempuan. Jadi saya kena lebih agresif dan berani daripada mereka sebab mereka lelaki saya perempuan, tulang belakang saya dah takda. Dulu, saya agresif dan kuat sebab tulang belakang saya ada tapi sekarang ini saya dah takda tulang belakang, suami saya dah takda. Saya bergerak sendiri dan dibantu oleh anak-anak saya dan pekerja saya. Jadinya persaingan itu saya rasa lagi kuat sekarang daripada dulu sebab ada yang iri hati dengan saya sebenarnya, jadi saya pejamkan mata saja jadi saya terus kena kuat InShaa Allah, sebab bagi saya, walaupun diorang lelaki saya perempuan, kalau mereka boleh saya mesti boleh.

AS : **Seperti yang puan cakap tadi, memang banyak persaingan terutamanya puan sorang je [sahaja] wanita. Jadi apa strategi yang puan lakukan untuk meneruskan perniagaan ini?**

PRMP : Strategi saya masih sama walaupun saya dah sorang saya tetap menganggap yang arwah masih ada yang berjuang bersama saya jadi saya tak perlu *change* [tukar] ataupun ubah apa-apa pun mengenai hidup saya, saya terus melangkah. Cuma (ketawa) saya sorang je lah InShaa Allah. Sebab ramai wanita-wanita di luar sana yang sama nasib macam saya tapi mereka boleh berjaya, jadi saya akan berjaya InShaa Allah terus berjaya macam mereka.

AS : **InShaa Allah ramai yang memberi *support* [sokongan] kepada puan. InShaa Allah, anak pun ada.**

PRMP : InShaa Allah, saya beruntung sebab disayangi oleh keluarga, kawan-kawan, sahabat-sahabat semua, rakan-rakan perniagaan banyak yang menyokong saya daripada segi *support* [sokongan] moral saya kuatkan hati saya ramai yang sokong saya. InShaa Allah.

AS : **Jadi, sekarang ini pun memang kita menghadapi pandemik Covid-19. Jadi adakah perniagaan puan turut terjejas seperti kebanyakan perniagaan lain sebab ada yang tutup kedai. Macam mana puan menangani?**

PRMP : Alhamdulillah, alhamdulillah, alhamdulillah. Industri kraf ukiran kayu tidak terjejas dengan Covid-19 sebab kayu tidak dijangkiti oleh (ketawa) covid saya alhamdulillah dapat meneruskan perniagaan saya hingga ke hari ini dan tempahan terus berjalan seperti biasa. Sebab kita bukan industri makanan.

AS : **Seterusnya, kiranya memang tak ada cabaran langsung sepanjang Covid ni?**

PRMP : Cabarannya ada juga, sebab bila tempahan dah siap saya tak boleh pergi pasang atau hantar. Itu cabaran saya jadi, bila sesuatu produk itu tidak boleh dipasang ataupun dihantar jadi duit tak ada juga lah sebab diorang tak bayar itu lah cabaran kami tapi tak perlu risau sebab duit itu ada cuma tak dapat je lagi.

AS : **Tak boleh pasang tu macam mana tu puan maksud puan? Dari segi memasang kayu?**

PRMP : Contoh ya, kayu yang telah siap dibuat ditempah contohnya saya buat kayu untuk pintu contoh saya nak buat pintu pejabat pintu itu saya dah siap buat tapi saya tak boleh pergi ke pejabat itu untuk memasang pintu tersebut.

NS : **Kita masuk cabaran lain, apakah masalah yang pernah timbul sepanjang dalam perniagaan ini ketika berurusan dengan sama ada pekerja ke pembekal ataupun pelanggan, ada tak masalah-masalah yang perlu**

**dihadapi?**

PRMP : Masalah dengan pekerja, pekerja ini kadang-kadang dia buat perangai dia tak datang kerja, berhenti kerja, itulah perangainya. Pastu dengan pelanggan, kadang-kadang pelanggan ini dia tempah lain bila dah siap dia cakap nak yang lain, dia *reject* [tolak] ke apa ke, ada setengah pelanggan yang agak banyak kerentah. Pembekal pun sepanjang covid ini ada sesetengah pembekal yang tak boleh hantar bekalan ke saya sebab ada setengah pembekal saya daripada Sungai Buloh, Selangor ada yang saya ambik dari Terengganu kayu itu tak dapat dihantar ke Pahang sepanjang covid tak boleh rentas negeri tapi keadaan dah semakin baik dah boleh dah.

AS : **Jadi, kepada pelanggan yang memang tak berpuas hati itu seperti mana yang puan cakap tadi memang kita ambik inisiatif untuk perbincangan. Cara untuk menangani pelanggan yang seperti ini.**

PRMP : Ha (setuju) kita akan bincang balik dengan dia biasanya barang yang dia *reject* [tolak] itu saya akan ganti lain untuk puaskan hati dia, selesailah kalau kita ganti.

AS : **Jadi, kalau ganti itu memang ada kerugian juga la waktu itu, ke barang itu kita guna balik untuk jual?**

PRMP : Ada kerugiannya tak rugi jugak sebab saya akan jual balik barang itu kepada orang lain kita jual balik, cuma saya terpaksa menanggung kos itu sahaja.

NS : **Jadi, sepanjang puan berkecimpung dalam perniagaan ini apakah cabaran terbesar yang puan hadapi sepanjang menguruskan perniagaan?**

PRMP : Saya berhadapan dengan pelanggan yang sangat jahat dan taknak bayar hutang sehingga hari ini dia taknak bayar lagi duit (ketawa) ada setengah pelanggan yang macam itu. Hutang dah lima tahun dia taknak bayar, hampir RM50,000.

Saya cuma tidak ambik tindakan *lawyer* [peguam] je lagi yang lain saya dah buat dah, kalau saya nak hantar samseng dah dekat dia (ketawa)

**AS : Kita dah cakap pasal cabaran, mesti ada pengalaman manis jugak yang puan tak dapat lupakan sepanjang dalaam perniagaan ni.**

**PRMP :** Banyak yang pahit, banyak yang manis sama banyak sebenarnya, yang manis itu saya boleh berjaya dan berada di tempat saya sekarang maknanya saya pun tak pernah menyangka yang industri kraf yang saya ceburi ini boleh mendatangkan hasil yang lumayan untuk pendapatan keluarga saya. Di awal saya belajar dulu, saya hanya menjadikan industri kraf ini sebagai jalan untuk saya bekerja je [sahaja] sebenarnya, *track* [jalan] untuk saya bekerja. Tak pernah bayangkan pun untuk saya jadi usahawan yang hingga ke tahap ini. Jadi, bila dah saya nampak jalan itu saya terus berusaha dan fokus untuk lebih berjaya untuk beli rumah, beli kereta, beli aset yang ada sampai hari ini. Jadi, walaupun saya hidup bersederhana, tapi saya ada semuanya saya berpuas hati dan syukur kepada Allah sebab beri nikmat itu tapi dalam masa yang sama di permulaan kemuncak kejayaan saya, Allah uji saya dengan ambil suami saya memang saya sedih tapi InShaa Allah saya akan terus berusaha sebab mesti ada sesuatu ataupun hikmah yang sangat indah yang Allah janjikan untuk saya jika saya redha dan sabar dengan apa yang sedang saya hadapi sekarang InShaa Allah.

### **TAMAT BAHAGIAN 6 (III)**

## **BAHAGIAN 7: SUMBANGAN WARISAN CRAFT WOOD**

**NS : Mengenai sumbangan Warisan Craft Wood, apakah sumbangan yang Warisan Craft Wood dapat ketengahkan untuk masyarakat pada masa kini?**

**PRMP : Saya memang tak banyak menyumbang secara orang kata bagi orang nampak. Saya hanya buat sumbangan melalui sekiranya ada pihak-pihak yang menempah tempahan mimbar masjid ataupun sesuatu produk yang digunakan untuk digunakan di masjid ataupun surau, disitu saya akan selitkan sumbangan daripada Warisan Craft Wood. Saya taknak orang nampak apa yang saya impakkan ataupun apa yang saya sedekah. Biar Allah sahaja yang tahu jadi sumbangan kami adalah disitu. Biasanya kalau ada yang nak mintak tolong, mintak ilmu dengan saya daripada segi kraf, InShaa Allah setakat ini saya tidak akan mengenakan apa-apa bayaran kalau ada yang nak datang belajar datanglah jumpa saya belajarlah semahunnya, itu sahaja. Itulah jariah yang saya boleh bagi untuk anda semua diluar sana.**

**NS : Pada pendapat puan, adakah bidang seni kraftangan kayu ini boleh dibawa ke persada antarabangsa?**

**PRMP : InShaa Allah, memang industri kraf sedang menuju ke persada dunia, persada**

antarabangsa dan memang kraftangan Malaysia mendapat tempat di hati penggemar-penggemar atau peminat-peminat seni kraf di seluruh dunia. Sebab kalau kita tengok, ramai warga asing pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia pun mereka akan beli produk-produk hasil Kraftangan Malaysia untuk dibawa pulang sebagai cenderahati dan sebagainya. Dan ada juga yang kraftangan kita ini ada yang tempah dan dibuat di negara-negara mereka. Saya pernah dia bawak balik ke negara dia, dia pasang sendiri jadi saya tak terlibat dengan apa-apa segi buat pemasangan cuma dia tempah dengan saya dan dia bawa itu sahaja jadi, saya rasa memang industri kraf kita dah berada di seluruh dunia. InShaa Allah kalau sekiranya kamu berdua nak mencebur i bidang kraf, silakan dan benda ini dah ada *just [hanya] you [awak] follow [ikut]* sahaja, platfom dah ada, *you follow [ikut]*.

**NS : Kena ada minat ya puan (ketawa). Okay, mengenai puan setelah lama puan berkecimpung dalam bidang kraftangan ini, apakah perubahan dalam diri puan yang dapat puan ketahui?**

**PRMP :** Sebenarnya kraf ini sesuatu yang unik dia dapat mematangkan hidup kita sebab saya suka kraf, saya suka seni, sebab kita tidak buat suatu perkara itu benda yang sama setiap hari. Kita akan mencipta sesuatu benda yang berbeza setiap hari, jadi otak kita sentiasa bekerja, berjalan, bertugas dan mencari ilham untuk kita buat sesuatu produk, untuk kita cipta produk baru untuk kita mendalami ataupun memahirkan diri kita lagi iaitu dari segi teknikal, banyaklah. Jadi, otak saya akan bekerja hari-hari, bukan benda yang sama. Dia akan bekerja untuk memikirkan akan datang, akan datang, hari-hari saya akan fikir apa saya nak buat esok, macam mana saya nak atasi masalah yang saya hadapi hari ini, macam mana saya nak cepatkan benda yang saya sedang buat, ha itu yang saya

panggil bekerja. Jadi saya rasa saya sangat bersyukur sebab seni ini memang menjadikan otak kita, minda kita cergas sentiasa bekerja.

**NS : Betul. Adakah terdapat penambahan dari segi kewangan atau pendapatan puan semenjak menjalankan perniagaan ini?**

PRMP : Ya, betul. Dia sangat pendapatan kita bila kita terima barang tempahan yang besar jadi *amount* [jumlah] kita itu bertambah jadi bila pendapatan itu bertambah, keperluan pun bertambah. Jadi kadang-kadang saya tak pernah bayang pun saya akan ada duit sebanyak ini contohlah sebanyak ini dengan tempahan sebanyak sebanyak ini, jadi itu membuatkan saya lagi agresif untuk saya bekerja. Bukannya tamak, tapi saya nak capai target saya, *sale* [jualan]. Contohnya lima tahun lagi saya nak ada dalam akaun saya tiga juta contoh, jadi saya target saya mesti ada duit sebanyak itu. Itu yang dikatakan impian yang perlu dicapai, target kita. Okay tahun 2021, sebanyak mana kita nak duit kita itu kumpul. Jadi itulah matlamat seorang usahawan, tujuan kita.

**NS : Target pun kena besar (ketawa)**

PRMP : Ha, target mesti besar pasang impian itu biar besar (buat pergerakan) capai ke tak capai itu, itu Allah yang tentukan tapi niat kita mesti ada, nawaitu kita kena ada.

## TAMAT BAHAGIAN 7

## BAHAGIAN 8: SUMBANGAN PERIBADI

**NS : Okay, seterusnya mengenai sumbangan peribadi puan sendiri. Adakah**

**puan sering membuat sumbangan kepada masyarakat dengan menggunakan produk dari Warisan Craft Wood sendiri?**

PRMP : Ada juga saya sumbangkan produk, ada juga saya sumbangkan duit kepada masyarakat dari segi kewangan.

NS : **Adakah terdapat bengkel yang diadakan untuk melatih sesiapa yang berminat untuk belajar kraftangan ini?**

PRMP : Saya buat di bengkel saya lah kalau ada yang nak belajar boleh datang dan saya ajar.

NS : **Bengkel puan sendiri?**

PRMP : Ha, bengkel saya sendiri.

NS : **Jika terdapat bengkel, dimanakah ia diadakan?**

PRMP : Saya pernah buat bengkel di Kuala Lumpur di ini lah Kuala Lumpur setiap hujung minggu di Galeri Seni tapi sekarang ini tak ada dah lah sebab Galeri Seni itu dah tak ada jadi tak buat dah, untuk setakat ini kalau ada yang berminat, saya akan buat di bengkel saya sendiri di Temerloh. Kalau ada yang nak belajar, saya akan buat bengkel.

NS : **Jadi di Temerloh itu ada bengkel khusus untuk mengajar mengenai kraftangan?**

PRMP : Dia sebenarnya kalau ada yang nak belajar saya boleh *recommend* [mengesyorkan] belajar di Pusat Inkubator Kraftangan Temerloh boleh belajar di situ. Tapi tenaga pengajarnya bukan saya lah, orang lain. Saya boleh *recommend* [mengesyorkan] belajar disitu. Tapi kalau nak belajar dengan saya sendiri, kena di bengkel saya sendiri.

NS : **Jadi adakah puan ambil upah mengajar?**

PRMP : Tak, datang je la belajar saya akan ajar je [sahaja]

**NS : Soalan terakhir, kebiasaananya berapa lamakah bengkel tersebut diadakan?**

PRMP : Biasanya bergantung kepada jenis produk yang diajar. Saya pernah ajar di Sabah, di Sabah saya ajar tujuh hari saya pergi ke Sabah. Saya pergi dah dua kali pergi ke sana mengajar. Jika ada organisasi yang perlukan saya untuk mengajar di tempat mereka pun, saya pergi juga. Tapi biasa kalau macam tu, diorang akan bayar saya sebab dia ambil saya bawa ke tempat lain. Kalau datang kat tempat saya, saya ajar je. Tapi kalau dah dia ambil saya bawa ke tempat lain itu mereka akan bayar. Saya pernah mengajar di Terengganu, di Langkawi, banyak tempat lah saya pernah mengajar. Tapi itu diorang ambil bawa saya ke tempat tu.

**NS : Di bengkel puan sendiri, adakah puan tetapkan untuk berapakah bilangan pelajar untuk puan ajar?**

PRMP : Biasa saya ambil dalam lima orang macam itu je [sahaja]. Saya tak boleh ramai sebab bengkel saya bukannya besar, saya taknak nanti *pack* [padat] tak selesa. Dalam lima enam orang saya boleh ajar lah.

## **TAMAT BAHAGIAN 8**

### **BAHAGIAN 9: HARAPAN**

**NS : Mengenai harapan, apakah harapan puan kepada generasi sekarang yang ingin berkecimpung dalam bidang seni kraftangan?**

PRMP : Harapan saya supaya anda semua minat dan sedar bahawa industri kraf ini telah mendatangkan- yang berubah ubah, jadi dia boleh dibuat boleh jadi industri, industri kraf yang menampung kehidupan kita dan dia boleh macam saya, saya

boleh menggaji orang dan saya boleh menyediakan sumber pendapatan untuk orang lain, itu sebenarnya. Jadi harapan saya supaya anak-anak muda minat dan cenderung ke arah ini supaya warisan seni kita tak terlepas ke tangan orang lain. Jangan sampai orang yang bukan orang melayu yang mengusahakan kraf. Kalau tengok sekarang ini, Cina dan India dah mula nak belajar kraf sebab kraf ini antara benda yang dipelihara lagi di negara kita ini supaya tidak dapat kepada orang India dan orang Cina. Tapi tak mustahil benda itu akan berlaku sebab kalau anak-anak muda kita orang Melayu kita tak minat dengan seni, tak minat dengan seni kraftangan. Jadi itulah apa yang kami semua sedang fikirkan macam mana cara supaya anak-anak muda ini sayang--. Untuk pengetahuan kamu, saya adalah salah seorang daripada pegawai silibus untuk UiTM [Universiti Teknologi Mara] cawangan Pahang. Jadi sayang rasanya kalau benda ini kraf ini kita taknakkekalkan, sayang sebab dia memang salah satu industri yang menjana ekonomi negara buat masa sekarang.

**NS : Jadi, pada pendapat puan sendiri apakah yang dapat dilakukan untuk menarik minat generasi pada masa kini dalam bidang kraftangan?**

**PRMP :** Itu yang saya fikir sebelum ini (ketawa) macam mana nak *you all* [awak semua] nak. Tak semua orang akan jadi salah satunya minat. Bidang seni ini sepatutnya dah mula dimasukkan di dalam silibus pembelajaran di peringkat rendah. Maksud saya, dalam sekolah rendah itu kena dah ada dah nilai-nilai seni dah mula dimasukkan supaya ada kesedaran dari kecil lagi yang industri kraf ini ada di negara kita. Itu matlamat saya sebenarnya. Tapi saya bukanlah diantara orang yang berwajib dan diwajibkan untuk memasukkan silibus ini di dalam pendidikan negara. Kalau saya diberi peluang, saya rasa itulah yang akan saya perjuangkan.

NS : Berbekalkan pengalaman yang puan telah lama dalam peniagaan, boleh puan kongsikan apakah sifat yang perlu ada untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya?

PRMP : Jujur, sabar itulah antara kunci-kunci kejayaan, memang kena jujur dan bersabar. Jujur dengan pelanggan, dengan diri sendiri, dengan *supplier* [pembekal], dengan kawan-kawan, sabar pun dengan diri sendiri, dengan pelanggan, dengan pesaing, dengan kawan-kawan usahawan dan semua orang sekeliling itulah kunci InShaa Allah kita pasti berjaya.

NS : **InShaa Allah. Okay soalan terakhir, apakah perancangan masa hadapan yang ingin puan laksanakan dalam perniagaan Warisan Craft Wood? Harapan puan sendiri.**

PR : Harapan saya supaya syarikat perniagaan saya ini Warisan Craft ini berterusan walaupun nanti saya dah takda [tiada] saya nak Warisan Craft ini akan terus diterajui oleh anak-anak saya, anak cucu saya seterusnya sehingga kiamat.

## TAMAT BAHAGIAN 9

## PENUTUP

Terima kasih Puan Ani kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kami dalam menyempurnakan tugas temubual ini. Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Rohani Md Piah di sepanjang bergelar usahawan kraftangan kayu dari 2001 hingga sekarang. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni kraf tangan kayu pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## **RUJUKAN**

- Abdul Kadir, Nor Adina and Nik Dahalan, Nang Naemah and Jamaludin, Norsaeidah. (2018). Seni dalam Islam: kajian khusus terhadap seni ukir. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 1 (1), 1-15. ISSN 2006-9617.
- Karisenan, U. N. (2007). *Impak pengkomersilan seni ukiran kayu Iban terhadap masyarakat Iban di Sarawak: Kajian Kes daerah Lubuk Antu, Bahagian Sri Aman* (Master's thesis, Universiti Malaysia Sarawak, 2007). Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak..
- Keumala, N., Arbi, E. & Mohammad Faisal. (2012). Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di Malaysia. *Journal of Design and Built Environment*, 11, 1-14. Retrieved from <https://www.semanticscholar.org/paper/Pengaplikasian-Ukir-Kayu-Melayu-dalam-Senibina-di-M.K.Daud/72ba5dce0bf966059f00281eb57a82c376a9c80c>
- Mat Il M. Hum, I. (2019). Ekspresi Keperibadian Melayu di Sebalik Ukiran Kayu Tradisional. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 1. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2222>.
- Muda, Mohd Shaladdin and Wan Mohd Amin, Wan Abdul Aziz and Abd Halim, Muhammad Abi Sofian (2011) Usahawan kraf di Malaysia: analisa laluan terhadap perhubungan inovasi produk, komitmen perniagaan dan perkembangan perniagaan. *The Malaysian National Economic Conference (PERKEM)*, VI (2). 208-217. ISSN 2231-962X.

Nik Azma, B. (1970, January 01). *Perkembangan industri kraf tangan dan kesannya kepada ekonomi di negeri Kelantan*. Retrieved January 27, 2021, from <https://ir.unimas.my/id/eprint/20017/>.

Said, I., & Abdullah, A. S. (2001). *Spesies-spesies kayu dalam seni ukiran Melayu*. Skudai: Penerbit UTM.

Yusof, Y., Arif, H., & Abdullah, N. (n.d.). ABD. MUHAIMIN BIN HASBOLLAH: MANIFESTASI SENI UKIRAN KAYU KONTEMPORARI. Retrieved January 27, 2021, from <https://journal.scientiaca.org/index.php/Jappa/article/view/71>

## LAMPIRAN



MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
------	--------	---------------------

## **LOG WAWANCARA**

Anis Shafika dan Nurul Syazrah menemubual Puan Rohani binti Haji Md. Piah, yang dilahirkan di Kampung Gunung Senyum, di Pahang. Temubual dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang tokoh dalam bidang seni kraf tangan kayu dari tahun 2001 hingga sekarang.

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

1.08	Nama gelaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cikgu Ani</li> </ul>
1.25	Menceritakan asal usul dan tempat kelahiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kampung Gunung Senyum</li> </ul>
1.58	Menceritakan tentang keluarga beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Haji Md Piah bin Haji Md Nudin.</li> <li>• Hajah Maimunah binti Haji Ahmad.</li> <li>• Muhamad bin Haji Mad Noor</li> </ul>

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

3.37	Tokoh menjelaskan sejarah penglibatan dalam pendidikan seni kraftangan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang.</li> <li>- Beliau menyambung pelajaran atau kursus di Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang pada tahun 1991-1995</li> </ul>
	Pernah mendapat biasiswa di peringkat sekolah dari negeri Pahang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Biasiswa Persekutuan</li> </ul>
9.46	Huraian mengenai pengalaman dan latar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelia</li> </ul>

	<p>belakang pendidikan dalam bidang keusahawanan atau seni kraftangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dilantik sebagai penyelia setelah 6 bulan menuntut di Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang.</li> <li>• NPC, MARA, MITI <ul style="list-style-type: none"> <li>- Antara kursus-kursus yang disertai oleh beliau ketika di Kraftangan Malaysia.</li> </ul> </li> </ul>
--	--	--

### **BAHAGIAN 3 : KERJAYA AWAL**

11.11	<p>Tokoh menghuraikan mengenai pekerjaan awal yang dilakukan sebelum memulakan perniagaan Warisan Craft Wood.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kraf Holding <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memegang jawatan sebagai ‘Line Leader’ di syarikat Kraf Holding selama 2 tahun.</li> </ul> </li> <li>• Penang Culture Centre <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bekerja sebagai jurudemo di syarikat pelancongan Penang Culture Centre selama 2 tahun setengah.</li> </ul> </li> <li>• Gombak <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bekerja sebagai QA di sebuah kilang eksport perabot di Gombak.</li> </ul> </li> </ul>
17.48	<p>Penceritaan awal mengenai bagaimana tokoh membangunkan perusahaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jurusan Perkayuan</li> <li>• Pusat Inkubator Temerloh</li> </ul>

	kraftangan berdasarkan kayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memulakan perniagaan dengan menyewa bangunan di dalam premis kerajaan iaitu Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang atau dipanggil Pusat Inkubator selama 6 tahun.</li> <li>• Kuala Lumpur           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berhenti kerja di Kuala Lumpur bersama-sama suami untuk memulakan perniagaan sendiri.</li> </ul> </li> </ul>
--	-----------------------------	---

#### **BAHAGIAN 4 : SENI DAN KRAFTANGAN**

25.28	Faktor yang menyebabkan tercetusnya minat tokoh dalam perniagaan dan seni kraftangan adalah dari latar belakang keluarga yang juga menjalankan perniagaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai latar belakang keluarga yang berniaga iaitu ayah dan datuk.</li> </ul> </li> <li>• Rakan kongsi           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjadikan suami sebagai rakan kongsi dalam dunia perniagaan menjadi faktor dan peluang untuk mereka berjaya.</li> </ul> </li> </ul>

27.11	Produk yang dapat dihasilkan melalui seni kraf tangan kayu adalah pelbagai bidang, dan jenis.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perabot</li> <li>• Cenderahati</li> </ul>
31.12	Tokoh menceritakan kursus-kursus yang pernah dihadiri beliau sepanjang bergelar usahawan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus keusahawanan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelbagai kursus ditawarkan kepada Warisan Craftwood akan dihadiri oleh beliau, suami, atau wakil staf.</li> </ul> </li> <li>• Kursus online <ul style="list-style-type: none"> <li>- Belajar mengenai pemasaran produk secara dalam talian seperti Facebook, ‘marketplace’, ‘e-commerce’.</li> </ul> </li> <li>• MyCraft Shop <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memasukkan produk Warisan Craftwood dalam platform dalam talian seperti Shopee.</li> </ul> </li> </ul>
37.46	Menceritakan kemahiran yang perlu dikuasai untuk mencapai kejayaan dalam bidang kraf.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘Customer is always right’ <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai sikap sabar dengan pelbagai cabaran termasuk pelanggan yang mempunayi pelbagai kerentah.</li> </ul> </li> </ul>

#### **BAHAGIAN 5 : KEJAYAAN YANG DIPEROLEH DALAM BIDANG KRAF TANGAN**

**KAYU**

39.47	Berkongsi maklumat berkaitan dengan kejayaan yang telah diperoleh selama bergelar usahawan kraf tangan kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usahawan Kraf Wanita           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat anugerah Usahawan Kraf Wanita tahun 2019.</li> </ul> </li> <li>• Pendidikan Seni Visual           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Terdapat maklumat mengenai tokoh dalam buku teks subjek Pendidikan Visual Tingkatan 2</li> </ul> </li> </ul>
46.07	Menjelaskan persiapan dan cabaran dalam penerimaan anugerah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesungguhan</li> </ul>
49.42	Huraian mengenai impak ataupun kesan terhadap diri tokoh setelah mendapat anugerah tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusi Persatuan Kraf Tangan Negeri Pahang.           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dilantik menjadi Pengurus Persatuan Kraftangan Negeri Pahang setelah mendapat pengiktirafan anugerah Usahawan Kraf Wanita 2019.</li> </ul> </li> </ul>

**BAHAGIAN 6 : WARISAN CRAFT WOOD**

51.52	Menjelaskan maklumat mengenai latar belakang syarikat Warisan Craft Wood.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Alamat: Bengkel Kraftangan, Kampung</li> </ul>
-------	---	---

		Darat Sanggang, Temerloh, Pahang.
53.08	Menjelaskan mengenai pemilihan tempat perniagaan Warisan Craft Wood.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Inkubator Daerah Temerloh.             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bengkel beliau berhampiran dengan Pusat Inkubator Daerah Temerloh.</li> </ul> </li> <li>• Plaza Tol Temerloh             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Plaza Tol Temerloh menjadi mercu tanda kepada bengkel Warisan Craft Wood.</li> </ul> </li> </ul>
52.22	Tarikh rasmi pembukaan perniagaan Warisan Craft Wood.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 27 November 2018             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lawatan dari Permaisuri Agong ke bengkel Warisan Craft Wood dianggap sebagai tarikh perasmian</li> </ul> </li> </ul>
56.25	Huraian disebalik nama Warisan Craft Wood	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘Warisan’             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama ‘Warisan’ bertujuan untuk diwariskan kepada anak cucu.</li> </ul> </li> <li>• Warisan seni budaya             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Untuk mengekalkan warisan seni budaya</li> </ul> </li> </ul>

		negara kita.
1.03.46	Menjelaskan mengenai cara-cara mempromosikan produk kraf tangan kayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kraftangan Malaysia, Timber Board Malaysia [MTIB], Pejabat MARA, Pejabat Pertanian.</li> <li>- Menyertai program-program yang dianjurkan oleh jabatan atau agensi-agensi kerajaan yang membuat pameran atau jualan.</li> </ul>
1.08.20	Pekerja-pekerja di Warisan Craft Wood sesetengahnya daripada bekas pelajar Institut Kraf Negara.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Institut Kraf Negara</li> </ul>
1.11.30	Menghurai jenis kayu yang digunakan untuk membuat produk kraftangan kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kayu Cengal</li> <li>• Kayu Merbau</li> <li>• Jelutung</li> <li>• Meranti</li> <li>• Kayu Pine</li> </ul>
1.12.45	Mengikuti kursus-kursus pengecaman kayu yang telah dianjurkan oleh Jabatan Hutan, dan Kraftangan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Hutan</li> <li>• Kraftangan Malaysia</li> </ul>
1.14.23	Menghurai mengenai perbezaan dalam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kayu Cengal</li> </ul>

	penggunaan kayu untuk produk luaran dan dalaman.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Balau</li> <li>• Resab</li> <li>• Kempas</li> </ul>
1.19.00	Menghurai mengenai motif tradisional dan motif moden yang diterapkan di atas produk kraftangan kayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Motif tradisional</li> <li>• Motif moden</li> </ul>
1.23.10	Menjelaskan mengenai peralatan yang digunakan di Warisan Craft Wood untuk menhasilkan produk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pisau wali</li> <li>• Pahat ukir</li> <li>• Mesin gergaji</li> </ul>
1.28.50	Menjelaskan tentang pelanggan yang datang dari golongan kaya dan pencinta kraf ukiran kayu ysng kebanyakannya dari Kuala Lumpur.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuala Lumpur</li> <li>• Pencinta kraf ukiran kayu</li> <li>• VVIP</li> </ul>
1.33.07	Menjelaskan tentang kelainan yang diakukan oleh Warisan Craft Wood untuk penambahbaikan produk iaitu keunikan reka bentuk atau corak pada ukiran adalah berbeza mengikut permintaan dan kehendak pelanggan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Corak Sultan Kelantan</li> <li>• Sultan Selangor</li> <li>• Sultanah Terengganu</li> <li>• Pahang</li> <li>• Bunga kopi</li> <li>• Johor</li> <li>• Bunga Lada Hitam</li> </ul>
1.38.19	Menggunakan jenis-jenis kayu yang tidak diganggu serangga perosak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kayu Cengal</li> <li>• Kayu Balau</li> <li>• Kayu Merbau</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kayu Resab</li> <li>• Kayu Meranti</li> <li>• Kayu Celusong</li> </ul>
1.42.52	Produk di Warisan Craft Wood pernah dipilih untuk dibawa ke tempat-tempat pameran di luar negara seperti Harrods, London dan Singapura.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harrods, London</li> <li>• Singapura</li> </ul>
1.45.06	Tidak mengambil risiko membuat perkhidmatan penghantaran produk ke luar negara seperti Brunei.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Brunei</li> <li>• Singapura</li> </ul>
1.48.16	Ramai persaingan untuk Warisan Craft Wood dalam industri kayu di Temerloh dalam kalangan lelaki.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Temerloh</li> </ul>
1.52.12	Industri kraf ukiran kayu tidak terjejas dengan pandemik Covid-19	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Covid-19</li> </ul>
1.55.01	Masalah timbul dari segi bekalan kayu tidak dapat dihantar ke Pahang dari pembekal negeri lain seperti Terengganu dan Sungai Buloh, Selangor sepanjang covid-19.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pahang</li> <li>• Terengganu</li> <li>• Sungai Buloh, Selangor</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 7: SUMBANGAN WARISAN CRAFT WOOD</b>		

2.01.40	Membuat sumbangan menggunakan nama Warisan Craft Wood secara tidak langsung iaitu dengan menyelitkan sumbangan sekiranya ada pihak-pihak yang menempah sesuatu produk yang digunakan untuk digunakan di masjid ataupun surau.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warisan Craft Wood</li> </ul>
---------	---	--

#### **BAHAGIAN 8: SUMBANGAN PERIBADI**

2.09.20	Pernah mengadakan bengkel ukiran kayu di Galeri Seni, Kuala Lumpur dan di bengkelnya sendiri di Temerloh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Galeri Seni, Kuala Lumpur</li> </ul>
2.10.00	Mengesyorkan kepada sesiapa yang ingin belajar tentang ukiran kayu di Pusat Inkubator Kraftangan Temerloh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Inkubator Kraftangan Temerloh</li> </ul>
2.10.57	Menceritakan pengalaman beliau mengajar di beberapa negeri seperti Sabah, Terengganu, Langkawi dan sebagainya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sabah</li> <li>• Terengganu</li> <li>• Langkawi</li> </ul>

#### **BAHAGIAN 9: HARAPAN**

2.12.35	Menyatakan harapan agar seni kraftangan ini tidak terlepas ke tangan orang yang bukan Melayu demi mempertahankan budaya orang Melayu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melayu, Cina, India</li> <li>• Pegawai silibus UiTM cawangan Pahang</li> </ul>
---------	---	---

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.30 mlm-8.40 mlm	24 Nov 2020	<u>Pengesahan tokoh untuk ditemubual</u>  Menghantar pesanan ringkas kepada tokoh untuk kali pertama. Perbualan tersebut adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	Mendapatkan persetujuan tokoh dan melampirkan surat pengesahan universiti untuk sebagai bukti melalui perbualan di aplikasi Whatsapp.
9.00 mlm-9.15 mlm	28 Nov 2020	<u>Panggilan telefon</u>  Membuat panggilan telefon untuk menerangkan dengan lebih terperinci mengenai sesi temu bual tersebut.	Membuat panggilan telefon untuk mendapatkan persetujuan tokoh untuk lakukan sesi temubual secara atas talian iaitu Google Meet.
9.00 mlm-9.15 mlm	23 Dec 2020	<u>Panggilan telefon kali kedua</u>  Penetapan tarikh temu bual ditetapkan mengikut waktu kelapangan tokoh.	Mencadangkan tarikh dan waktu yang sesuai untuk sesi temu bual tersebut.  Surat perjanjian sejarah lisan juga diserahkan kepada tokoh.
3.00 tgh hri- 3.30 tgh hri	25 Dec 2020	<u>Perjumpaan pertama bersama tokoh</u>	Catatan awal dilakukan untuk proses membina

		<p>Perjumpaan berlaku secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet bertujuan untuk mengenali tokoh bagi peringkat awal</p>	soalan.
9.00 mlm- 10.15 mlm	25 Dec 2020	<p><u>Sesi temu bual pertama</u></p> <p>Sesi temu bual berjalan dengan lancar dan berlangsung selama satu jam setengah melalui aplikasi Google Meet.</p>	<p>Memastikan peralatan merekod yang akan digunakan semasa temu bual berfungsi dengan baik.</p> <p>Mengemukakan soalan yang telah dirangka dan membuat catatan.</p>
9.00 pm- 10.15 mlm	27 Dec 2020	<p><u>Sesi temu bual kedua</u></p> <p>Sesi kedua hanya berlangsung selama lebih kurang setengah jam.</p>	Bertanyakan soalan dan meneruskan sesi temu bual yang masih berbaki kepada tokoh.

## **SENARAI SOALAN**

**TOPIK: TEMUBUAL BERSAMA TOKOH USAHAWAN KRAFTANGAN KAYU,  
PENGUSAHA WARISAN CRAFT WOOD TEMERLOH, PAHANG (ROHANI MD  
PIAH)**

### **Pengenalan**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni kraf tangan kayu. Bersama-sama kami ialah Puan Rohani Md. Piah yang merupakan seorang pemilik kepada syarikat perusahaan Warisan Craft Wood dari tahun 2001 hingga sekarang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 9 Disember 2020 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 8 malam secara dalam talian. Temubual ini dikendalikan oleh Anis Shafika binti Ismail dan Nurul Syazrah binti Ariff Hazizan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### **1.0 LATAR BELAKANG**

**Assalamualaikum puan, .....**

- 1.1 Apakah nama penuh puan?
- 1.2 Apakah nama gelaran puan?
- 1.3 Dimana dan bilakah tarikh puan dilahirkan?
- 1.4 Berapakah usia puan sekarang?
- 1.5 Dimanakah puan berasal dan dimanakah puan menetap sekarang?
- 1.6 Apakah nama ibu dan bapa puan?
- 1.7 Berapakah bilangan adik-beradik puan dan puan adalah anak yang keberapa?
- 1.8 Siapakah nama suami puan dan apakah pekerjaannya?
- 1.9 Berapakah bilangan anak puan?

### **2.0 SEJARAH PENDIDIKAN**

**Mengenai sejarah pendidikan pula, .....**

2.1 Bolehkah puan ceritakan mengenai latar belakang pendidikan bermula daripada sekolah rendah sehingga menjadi seorang usahawan?

- Nama sekolah
- Tahun bila
- Result PMR dan SPM
- Institusi pengajian tinggi

2.2 Apakah cita-cita dan impian puan sewaktu zaman sekolah atau semasa remaja?

2.3 Adakah puan seorang pelajar yang aktif?

- Akademik
- Kokurikulum

2.4 Apakah kelab atau pertandingan yang puan pernah serta semasa di sekolah menengah?

2.5 Apakah anugerah yang pernah puan dapat sewaktu persekolahan?

2.6 Adakah puan pernah mendapat biasiswa semasa sekolah menengah dan semasa di peringkat pengajian tinggi?

2.7 Apakah bidang atau kursus yang puan ikuti semasa di peringkat pengajian tinggi?

2.8 Adakah puan mempunyai pengalaman dan latar belakang pendidikan dalam bidang keusahawanan atau seni kraftangan semasa peringkat pengajian?

### **3.0 KERJAYA AWAL**

**Baiklah puan, kita akan pergi kepada pekerjaan awal..**

3.1 Apakah pekerjaan awal yang puan lakukan sebelum puan memulakan perniagaan Warisan Craft Wood?

3.2 Pada tahun bila, dan berapakah usia puan sewaktu pertama kali menjalankan kaki ke alam pekerjaan?

3.3 Sekiranya puan masih ingat, berapakah gaji/pendapatan awal pekerjaan dahulu?

3.4 Apakah persamaan dan perbezaan antara pekerjaan terdahulu dengan pekerjaan puan sekarang?

- pengalaman
- perasaan
- suasana
- pengurusan masa
- kemahiran

- minat, dan sebagainya

3.5 Jadi, bagaimana tercetusnya idea untuk membangunkan sebuah perusahaan kraftangan berasaskan kayu ini?

3.6 Berapakah usia puan ketika mula menjalankan perniagaan seni kraf tangan kayu ini?

Apakah penerimaan orang sekeliling termasuk keluarga apabila puan memutuskan untuk menuju syarikat kraf ini?

#### **4.0 SENI DAN KRAFTANGAN**

**Seterusnya kita pergi kepada bahagian seni dan kraftangan,**

4.1 Apa yang menyebabkan tercetusnya minat puan dalam perniagaan dan seni kraftangan?

4.2 Boleh puan ceritakan tentang asas seni kraf tangan kayu ini?

4.3 Berkaitan dengan seni kraf tangan kayu ini, apakah pendorong utama yang menyebabkan puan lebih cenderung untuk memilih kraf jenis ini berbanding kraf lain?

4.4 Apakah atau siapakah yang menjadi idola dan pendorong buat puan sewaktu awal-awal mencebur ke bidang perniagaan dan kraftangan?

4.5 Apakah motivasi diri yang puan lakukan pada peringkat awal penglibatan dalam perniagaan sehingga sekarang?

4.6 Adakah puan pernah menyertai mana-mana kursus perniagaan atau kursus seni kraftangan?

4.7 Bolehkah puan ceritakan tentang kursus-kursus yang pernah puan sertai dan di mana tempat kursus-kursus tersebut berlangsung?

4.8 Apakah impak atau hasil yang puan dapat daripada kursus tersebut yang boleh diaplikasikan dalam perniagaan puan?

4.9 Sebagai seorang yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang seni kraftangan, boleh puan kongsikan dengan lebih terperinci apakah kemahiran/teknik yang perlu dikuasai untuk berjaya dalam bidang ini?

#### **5.0 KEJAYAAN YANG DIPEROLEH DALAM BIDANG KRAF TANGAN KAYU**

5.1 Seterusnya, apakah kejayaan yang telah dicapai selama berkecimpung dalam bidang ini?

5.2 Boleh saya tahu apakah anugerah yang berjaya diperoleh sepanjang penglibatan dalam bidang ini?

**5.3 Mengenai anugerah yang telah puan terima iaitu Anugerah Usahawan Kraf Wanita, boleh puan kongsikan bila puan menerima anugerah tersebut?**

- 5.4 Apakah kriteria yang diperlukan untuk mendapat anugerah tersebut?
- 5.5 Apakah persiapan dan cabaran yang perlu dihadapi untuk menerima penganugerahan tersebut?
- 5.6 Apakah perasaan puan ketika menerima anugerah-anugerah ini?
- 5.7 Bagaimana pula dengan reaksi keluarga puan apabila mendapat tahu puan menerima penganugerahan tersebut?
- 5.8 Apakah impak/kesan yang diperoleh setelah puan menerima anugerah ini? Adakah puan ada dipilih untuk memegang sebarang jawatan dalam mana-mana program yang melibatkan industri Seni Kraf Tangan Kayu ini?
- 5.9 Menurut puan, apakah kejayaan terbesar yang dicapai dari Warisan Craft Wood?
- 5.10 Adakah pekerja-pekerja puan juga menyumbang kepada kejayaan puan dan syarikat Warisan Craft Wood?
- 5.11 Jadi, apakah rahsia kejayaan puan?

## **6.0 WARISAN CRAFT WOOD**

- 6.1 Dimanakah alamat perusahaan Warisan Craft Wood?
- 6.2 Sudah berapa lamakah puan terlibat dalam perniagaan ini?
- 6.3 Mengapakah puan lebih memilih untuk menjalankan perniagaan di Temerloh,Pahang?
- 6.4 Adakah tempat tersebut strategik untuk menjalankan perniagaan ini?
- 6.5 Bilakah tarikh rasmi perniagaan Warisan Craft Wood ini mula dibangunkan dan mengapakah tarikh tersebut dipilih?
- 6.6 Siapakah yang merasmikan pembukaan bengkel ini?
- 6.7 Mengapakah syarikat perusahaan kraf tangan kayu ini dinamakan Warisan Craft Wood?
- 6.8 Adakah perusahaan ini dinamakan Warisan CraftWood kerana ia adalah untuk menaikkan seni warisan Melayu ataupun mempunyai cerita yang tersendiri?
- 6.9 Bolehkah puan ceritakan sedikit berkaitan struktur awal pembinaan bengkel Warisan Craft Wood dan adakah ianya merupakan idea asal dan cadangan dari puan sendiri?
- 6.10 Seterusnya, berapakah modal yang diperuntukkan untuk membangunkan perniagaan ini?
- 6.11 Apakah inisiatif yang dilakukan oleh Warisan Craft Wood untuk mendapatkan nama dan semakin dikenali?
- 6.12 Adakah puan menguruskan sendiri perniagaan ini sejak awal pembukaan?

- 6.13 Adakah pengurusan kewangan dan aliran tunai juga diuruskan oleh puan sendiri? Jika ya, bagaimana puan menguruskan kewangan disamping mengendalikan perniagaan?
- 6.14 Apakah kemudahan awal untuk memulakan perniagaan yang disediakan pada waktu itu?
- 6.15 Apakah langkah atau pelan utama puan ketika awal pembukaan Warisan Craft Wood?
- 6.16 Warisan Craft Wood merupakan hasil usaha sama puan bersama suami. Jadi adakah suami puan juga turut memiliki bakat dalam seni kraf tangan kayu ini?
- 6.17 Pada peringkat awal penglibatan puan dalam industri kraf tangan ini, bagaimanakah cara puan mempromosikan produk-produk yang telah dihasilkan?

#### i. Tenaga kerja di Warisan Craftwood

- 1.0 Berapakah bilangan pekerja yang puan ada ketika peringkat awal perniagaan sehingga sekarang?
- 2.0 Adakah puan mengambil tenaga kerja yang mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan dan seni kraftangan?
- 3.0 Adakah puan meletakkan syarat atau kriteria yang khusus untuk menjadi pekerja di Warisan Craftwood?
- 4.0 Bagi pekerja baru, adakah mereka diberikan kursus latihan selama tempoh tertentu bagi mengasah bakat mereka dalam bidang ini?
- 5.0 Adakah semua pekerja di Warisan Craft Wood perlu mengetahui selok belok setiap proses penghasilan produk dan ilmu mengenai kraf kayu?
- 6.0 Berapa lamakah tempoh waktu bekerja bagi pekerja-pekerja dalam bidang ini? Adakah tempoh waktu bekerja itu tidak menentu ataupun mengikut tempoh waktu umum iaitu dari pukul 8pagi sehingga 5 petang?

#### ii. Produk Perniagaan Warisan CraftWood

- 1.0 Apakah jenis-jenis kayu yang digunakan untuk membuat produk kraftangan di Warisan Craft Wood?
- 2.0 Pada pandangan puan, adakah pemilihan jenis kayu ini penting dalam penghasilan kraf ukiran kayu yang bermutu?

- 3.0 Mengikut kajian umum yang kami telah lakukan, penggunaan jenis kayu untuk produk luaran dan produk dalaman adalah berbeza. Boleh puan hanyaikan mengenai perkara tersebut?
- 4.0 Jadi, adakah faktor jenis kayu juga mempengaruhi harga penjualan sesebuah produk?
- 5.0 Dimanakah puan mendapatkan bekalan kayu-kayu tersebut untuk menghasilkan kraf tangan ini?
- 6.0 Adakah puan mengambil bekalan kayu itu dari pembekal yang sama?
- 7.0 Terdapat 2 motif dalam bidang ukiran kayu ini iaitu motif tradisional dan moden.  
Boleh puan ceritakan dengan lebih terperinci mengenai 2 motif ini?
- 8.0 Apakah peralatan yang digunakan dalam penghasilan kraf kayu ini?
- 9.0 Boleh puan terangkan proses/ langkah-langkah dalam pembuatan ukiran kayu ini?
- 10.0 Seperti yang sedia maklum, umum mengetahui bahawa untuk menglibatkan diri dalam bidang ukiran ini memerlukan komitmen yang tinggi. Jadi apakah prinsip/perkara yang puan tekankan untuk menjadi seorang pengukir yang berjaya?
- 11.0 Seperti yang sedia maklum, produk kraftangan kayu ini mempunyai penggemar yang tersendiri. Jadi menurut puan, kebiasaan pelanggan dari negeri manakah yang seringkali membuat tempahan di syarikat puan?
- 12.0 Adakah puan mempunyai pelanggan tetap disini dan bagaimana Warisan Craft Wood membentuk kepercayaan mereka supaya mereka percaya dengan syarikat dan produk Warisan Craft Wood?
- 13.0 Menurut puan, apakah keistimewaan produk di Warisan Craft Wood berbanding kraf kayu di syarikat-syarikat lain?
- 14.0 Apakah kelainan yang dilakukan oleh Warisan Craft Wood dalam penambahbaikan produk supaya terus mendapat sambutan?
- 15.0 Boleh puan terangkan produk utama yang ditawarkan oleh Warisan Craft Wood?
- 16.0 Apakah tindakan yang dilakukan sekiranya produk yang telah dihasilkan kurang mendapat sambutan?
- 17.0 Sekiranya terdapat kerosakan pada kayu atau produk yang telah siap diukir, apakah tindakan yang dilakukan?
- 18.0 Bagaimanakah cara untuk memastikan kayu tersebut tahan lama dan tidak digangu oleh serangga perosak?
- 19.0 Semasa proses pembuatan kraf kayu, adakah terdapat gangguan seperti kerosakan mesin, kecederaan pekerja, dan sebagainya?

- 20.0 Berapa lamakah masa yang diambil untuk menghasilkan sebuah produk kraf kayu tersebut?
- 21.0 Apakah yang dilakukan dengan lebihan-lebihan kayu hasil daripada sisa daripada penghasilan produk? Adakah dibuang ataupun digunakan semula?
- 22.0 Adakah produk-produk ini turut dipamerkan dalam program-program tertentu?
- 23.0 Jadi, selain daripada produk yang sedia ada adakah pelanggan boleh menempah corak atau ukiran mengikut selera/dekorasi yang mereka kehendaki?
- 24.0 Bagaimanakah harga ditetapkan untuk ukiran kayu ini? Adakah berdasarkan corak ukiran ataupun saiz?
- 25.0 Adakah Warisan Craft Wood pernah mendapat tempahan dari luar negeri atau luar negara?
- 26.0 Adakah Warisan Craft Wood menyediakan perkhidmatan penghantaran produk sama ada di dalam dan luar negeri?

### iii. Cabaran

- 1.0 Bagaimana puan menyeimbangkan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat dengan perniagaan ini?
- 2.0 Menurut puan, adakah sifat kepimpinan juga penting dalam menjadi seorang usahawan yang mengendalikan syarikat?
- 3.0 Menurut puan, apakah jenis persaingan yang dihadapi Warisan Craft Wood dengan industry kraf yang lain?
- 4.0 Apakah strategi yang telah digunakan oleh Warisan Craft Wood untuk bersaing dengan para usahawan seni kraf tangan yang lain?
- 5.0 Sejak pandemik Covid19 berlaku, adakah perniagaan puan turut terjejas seperti kebanyakan perniagaan lain dan dari segi apakah yang terjejas itu?
- 6.0 Apakah cabaran puan dalam menguruskan perniagaan ketika pandemik Covid-19 ini berlaku?
- 7.0 Apa tindakan puan untukkekalkan penjualan kraf ini sepanjang krisis Covid-19 ini berlaku?
- 8.0 Apakah masalah-masalah yang pernah timbul ketika berurusan dengan pekerja, pembekal, dan juga pelanggan?
- 9.0 Pernahkah puan mengalami masalah seperti pelanggan tidak berpuas hati dengan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, dan bagaimanakah puan mengatasinya?

- 10.0 Adakah puan pernah mengalami kegagalan dalam perniagaan? Sekiranya ya, apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan tersebut?
- 11.0 Apakah cabaran terbesar yang pernah puan hadapi sepanjang menguruskan perniagaan ini?
- 12.0 Sebagai seorang usahawan wanita yang sudah berkeluarga, apakah cabaran yang dilalui dalam menguruskan perniagaan dan juga keluarga?
- 13.0 Baiklah puan, sepanjang bergelar usahawan ini apakah pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan?

## **7.0 SUMBANGAN WARISAN CRAFT WOOD**

- 7.1. Apakah sumbangan daripada bidang ini yang dapat diketengahkan kepada masyarakat Malaysia pada masa kini?
- 7.2. Pada pendapat puan, adakah bidang seni kraf tangan kayu ini boleh dibawa ke persada antarabangsa?
- 7.3. Apakah perubahan-perubahan yang wujud setelah sekian lama puan berkecimpung dalam bidang ini?
- 7.4. Adakah terdapat penambahan dari segi pendapatan sejak mula bermiaga sehingga kini?

## **8.0 SUMBANGAN PERIBADI**

- 8.1. Adakah puan sering membuat sumbangan kepada masyarakat, atau mana-mana pihak menggunakan hasil perniagaan Warisan Craft Wood. Sekiranya ya, adakah sumbangan itu berbentuk wang atau produk dari Warisan CraftWood itu sendiri?
- 8.2. Adakah terdapat bengkel yang diadakan untuk melatih sesiapa yang berminat untuk belajar kraf ini?
- 8.3. Jika terdapat bengkel, dimanakah pernah ia diadakan?
- 8.4. Kebiasaannya, berapa lamakah bengkel tersebut diadakan?
- 8.5. Siapakah yang menjadi tenaga pengajar untuk bengkel yang diadakan tersebut, adakah puan juga terlibat, dan bagaimanakah ianya dikendalikan?

## **9.0 HARAPAN**

- 9.1. Apakah harapan puan kepada generasi sekarang yang ingin berkecimpung di dalam bidang seni kraf tangan ini?

- 9.2. Pada pendapat puan, apakah yang dapat dilakukan untuk menarik minat generasi muda terhadap bidang seni kraf tangan kayu ini?
- 9.3. Berbekalkan pengalaman puan yang telah lama dalam perniagaan, boleh puan kongsikan apakah sifat yang perlu ada untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya?
- 9.4. Apakah harapan puan terhadap Warisan Craft Wood?
- 9.5. Apakah perancangan masa hadapan yang ingin puan laksanakan dalam perniagaan Warisan Craft Wood ini?

#### **Penutup:**


Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Rohani Md. Piah di sepanjang bergelar Usahawan Kraf Tangan Kayu dari 2001 sehingga sekarang. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni kraf tangan kayu pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## LAMPIRAN 1

  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ROHANI BINTI MOHD FISIH K/P. 740715-04-6540 pada \_\_\_\_\_ dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat termubal yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil termubal ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/tututan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil termubal yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang diperlukan bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat translip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu dimaklum oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila peritan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

(Nama tokoh: ROHANI BINTI MOHD FISIH)  
(Nama penyalidik: Nurulannisa Binti Abdulrahman)  
Tarikh: 19 Februari 2014 b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA


Gambar 1: Surat Perjanjian

## LAMPIRAN 2



Gambar 2: Penerimaan Anugerah Usahawan Kraf Wanita

### LAMPIRAN 3



Gambar 3: Hasil ukiran kraf oleh Warisan Craft Wood

# INDEKS

## A

Agresif 36, 48, 54  
*Alhamdulillah* 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 18, 21, 23, 26, 49  
Antarabangsa 12, 21, 24, 52, 83

## B

*Baby board* 8  
Balau 34, 35, 44, 69, 70  
Bunga Kopi 42, 69  
Bunga Lada Hitam 42, 70

## C

Chalet 15, 34, 42, 43  
Covid-19 49, 50, 70, 71, 82,

## D

Darah perniagaan 14  
Dimonopoli 48

## E

Eksport 4, 8, 10, 12, 63  
Etnik 12  
*Exhibition* 5, 30, 45

## F

Facebook 17, 18, 65  
*Finishing* 43, 44

## H

Gazebo 15, 34

## I

*InShaa Allah* 15, 21, 22, 24, 37, 39, 40, 43, 47, 48, 49, 51, 52, 53, 57

## J

Jelutung 34, 68

## K

Kayu betong 44  
Kayu cengal 34, 68, 69, 70  
Kayu pine 34, 68  
Kempas 35, 69  
Kiamat 58

## L

*Landmark* 26  
Lazada 17

## M

*Marketplace* 17, 65  
Meranti 34, 44, 68, 70  
Merbau 34, 44, 68, 70  
Mimbar 52  
Motif moden 37, 69  
Motif tradisional 37, 69, 81  
Muslim 47

## P

Pagola 15  
Pandemik 49, 70, 82  
Panel ukiran 39, 42  
Persada antarabangsa 52, 83  
Persada dunia 52  
*Polish* 43  
Prasarana 27  
Premis 11, 28, 64  
Profesyen 12  
Pusat inkubator 55, 64, 67, 71

**R**

- Redha 16, 47, 51  
Renyah 30  
Resab 34, 35, 44, 69, 70

**S**

- Samseng 50  
Sektor komoditi 12  
Seni budaya 27, 67, 68  
Seni kraf 2, 4, 7, 12, 14, 15, 16, 19,  
52, 56, 58, 61, 62, 63, 64, 65,  
72, 76, 77, 78, 79, 80, 82, 83,  
84  
Seni ukir 12  
Seni Visual 22, 66  
Shopee 17, 18, 65  
Silibus 57, 72  
*Sourvenir* 45  
Syukur 2, 16, 23, 47, 51, 53

**T**

- Tradisi 12